

**BAB DUA**

**PENGUNAAN DANA ZAKAT DALAM ISLAM DAN KONSEP**

**PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL**

**2.1 Pengenalan**

Salah satu matlamat ajaran Islam dalam mengatasi masalah gejala sosial adalah melalui ibadah zakat. Zakat yang menjadi salah satu tiang utama tertegaknya Islam, telah menjadi kewajipan bagi umatnya membawa misi dalam memperbaiki hubungan yang harmoni antara sesama manusia, sehinggalah pada akhirnya mampu mengurangi gejala akibat permasalahan jurang dalam kehidupan.<sup>1</sup> Secara sosiologis, zakat adalah refleksi dari rasa kemanusiaan, keadilan, keimanan serta ketakwaan yang mendalam yang mesti muncul dalam sikap orang-orang kaya. Tidaklah elok sebagai makhluk sosial mahu hidup sendiri tanpa memperhatikan kesukaran dan penderitaan orang lain. Meskipun kejahatan sering merajalela di muka bumi, namun sejalan dengan itu sifat dan rasa belas kasihan dan tolong-menolong pun sudah menjadi budaya sejak adanya manusia dan tidak akan pernah hilang. Justeru itu zakat merupakan suatu kewajipan yang abadi, yang sudah disyariatkan pula atas umat-umat sebelum Islam.<sup>2</sup>

Zakat sebagai rukun Islam memiliki implikasi individu dan sosial. Penunaian hak *muzakki* tidak serta-merta dilihat dari gugurnya seorang *muzakki* yang berkewajipan mengeluarkan zakat, tetapi juga harus dilihat sejauh mana impak sosial yang ditimbulkan dari pentadbiran zakat tersebut bagi kemaslahatan umat. Pengagihan zakat

---

<sup>1</sup> Mustafa Edwin Nasution *et al.* (2006), *Pengenalan Eksklusif Ekonomi Islam*, e. 1, c. 1. Jakarta: Prenada Media Group, h. 29.

<sup>2</sup> Abdurrahman Qadir (1998), *Zakat dalam Dimensi Mahdhah dan Sosial*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, h. 55-56.

kepada *mustahik* selain sebagai bentuk distribusi keadilan ekonomi, juga pada hakikatnya merupakan bentuk terhadap karya, potensi dan profesi mereka. Apresiasi ini dapat diwujudkan dalam bentuk pengagihan dana zakat bagi keberlangsungan hidup minimum mahupun keperluan yang bersifat mendesak. Pemenuhan keperluan asas merupakan keperluan yang wajib dipenuhi. Sehingga zakat menjadi sangat penting sebagai jaminan sosial bagi setiap individu Muslim sehingga tidak ada seorang pun perlu merasa cemas akan masa hadapannya.<sup>3</sup>

Untuk itu, dalam bab ini penulis akan membincangkan tentang bagaimana penggunaan dana zakat dalam Islam dan konsep pembangunan industri kecil, yang dimulakan dengan pengenalan, pengertian zakat, asas hukum zakat, harta sebagai sumber zakat yang merangkumi sumber-sumber zakat dan pensyaratan zakat menjadi sumber zakat, kemudian pengagihan zakat serta penggunaan zakat secara produktif merangkumi definisi zakat produktif, landasan zakat produktif, pandangan para cendekiawan tentang zakat produktif, dan instrumen-instrumen zakat produktif.

Penulis juga akan menghuraikan mengenai konsep pembangunan industri kecil yang mencakupi pengenalan dan pendefinisian, klasifikasi industri kecil, kelebihan industri kecil, peranan dan permasalahan industri kecil, pembinaan dan pembangunan industri kecil, konsep usahawan, konsep usahawan asnaf, model pembangunan usahawan asnaf. Di akhir bab akan dihuraikan pula tentang pembangunan dan perkembangan usahawan asnaf di Baitul Mal Aceh (BMA) serta di tutup dengan kesimpulan.

---

<sup>3</sup> Afzal ur Rahman (1980), *Economic Doctrines of Islam*, j. 3, c. 2. Lahore: Islamic Publication Ltd, h. 249.

## 2.2 Pengertian Zakat

Menurut Ibn Faris dalam *Mu'jam fi al-Lughah*, zakat memiliki akar kata yang berpandukan pada makna *al-Namā'* (النماء) dan *al-Ziyādah* (الزيادة) yang bererti pertumbuhan dan pertambahan.<sup>4</sup> Selain itu, ia juga membawa maksud *at-Taharah* (الطهارة) yang bererti penyucian.<sup>5</sup> Ini bermaksud, penyucian daripada segala dosa dan juga bagi mendapat ganjaran.<sup>6</sup> Penyucian ini juga termasuk menyucikan seseorang daripada keaiban bakhil dan memakan hak orang yang memerlukan. Ia juga membersihkan harta itu sendiri daripada perkara-perkara yang tidak baik dan hak-hak manusia selain menyucikan juga jiwa orang-orang miskin daripada hasad dan perasaan benci.<sup>7</sup>

Zakat dari sudut syariat diertikan bahagian daripada kekayaan yang dipungut daripada orang kaya untuk diagihkan kepada masyarakat miskin.<sup>8</sup> Sedangkan menurut istilahnya, Wahbah al-Zuhailly dalam pengertian secara am mengatakan hak tertentu yang terdapat dalam harta seseorang.<sup>9</sup> Manakala Syed Abul A'ala Mawdudi, mendefinisikan zakat sebagai satu bentuk ibadah kerana kadar, *nisab* dan para penerimanya telah diterangkan oleh syarak dan tidak ada sesiapa yang boleh mengubahnya.<sup>10</sup> Terdapat juga pandangan lain yang menyatakan bahawa zakat itu adalah satu cukai seperti cukai-cukai moden yang lain.<sup>11</sup>

---

<sup>4</sup> Ahmad ibn Faris (1998), *Mu'jam al-Maqāyis fi al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr, h. 545.

<sup>5</sup> Muhammad bin Ahmad as-Shatiri (1997), *Sarh al-Yakut al-Nafis*. Kaherah: Dar al-Khawa, h. 389.

<sup>6</sup> Sulaiman al-Bujayrimi (1998), *Bajairimi al-Khatib*, j. 2. Beirut: Dar al-Fikr, h. 390.

<sup>7</sup> 'Ali Sarbiji (1993), *Faridah az-Zakat wa al-Sadaqah al-Mandubah*. Damsyik: Dar al-Bashair, h. 8.

<sup>8</sup> Najmul Hasan (1984), "Social Security System of Islam With Special Reference to Zakah". *International centre for Research in Islamic Economics*, No. 19. Jeddah: King Abdul Aziz University Press, h. 11.

<sup>9</sup> Wahbah al-Zuhailly (1997), *al-Fiqh al-Islami Wa'adillatuhi*, j. 2. Beirut: Dar al-Fikr, h. 788.

<sup>10</sup> Syed Abul A'ala Maududi (1984), *Economic System of Islam*. Lahore: Islamic Publication Ltd., h. 58.

<sup>11</sup> Muhammad Akram Khan (1983), *Issues In Islamic Economics*. Lahore: Islamic Publication Ltd., h. 152.

Ulama mazhab Shafi'i mendefinisikan zakat suatu istilah tentang suatu ukuran tertentu dari harta yang telah ditentukan serta dengan syarat-syarat yang telah ditentukan pula.<sup>12</sup> Sebahagian dari ulama mazhab Maliki berpandangan bahawa zakat adalah suatu sebahagian yang khusus daripada harta yang cukup *nisab* kepada orang-orang yang berhak menerima jika sempurna pemilikannya. Selain itu, ulama mazhab Hanafi pula berpandangan, zakat ialah suatu pemilikan sebahagian harta yang khusus untuk individu yang khusus.<sup>13</sup> Mereka juga mendefinisikan zakat sebagai agihan sebahagian daripada nisab kepada orang fakir dan selainnya kecuali keturunan Bani Hasyim dan Bani Mutallib.<sup>14</sup> Selain itu, ia juga ditakrifkan sebagai bahagian tertentu dari harta yang diwajibkan Allah SWT untuk diagihkan kepada orang-orang yang berhak.<sup>15</sup> Di dalam takrif yang lain, zakat diertikan sebagai sesuatu yang khas pada harta dan sebagainya yang diwajibkan oleh syarak untuk diagihkan kepada fakir miskin dan sebagainya dengan syarat tertentu dan ia merupakan salah satu daripada rukun Islam yang lima.<sup>16</sup>

### 2.3 Asas Hukum Zakat

Penggunaan lafaz zakat dalam pelbagai bentuk di dalam al-Quran diulang sebanyak 30 tempat (lapan terdapat dalam surah makiyah dan selebihnya dalam surah madaniyah),<sup>17</sup> dan 27 kali daripadanya disebut seiring dengan kewajipan mendirikan

---

<sup>12</sup> Muhammad Ra'fat Uthman *et al.* (2003), *Qadaya Fiqhiyah Mu'asirah*. Kairo: Al-Azhar University Press, h. 1788.

<sup>13</sup> as-Shatiri (1997), *op. cit.*, h. 389.

<sup>14</sup> Mahmud Abdul Rahman Abdul Mun'im (1999), *Mu'jam al-Mustalahat wal al-Alfaz al-Fiqhiyyah*, j. 3. Kaherah: Dar al-Fadilah, h. 205.

<sup>15</sup> Yusuf al-Qaradawi (1991), *Fiqh al-Zakah*, j. 1, c. 2. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, h. 37.

<sup>16</sup> Khalil al-Jar (1987), *Mu'jam Mausui lil jami' Larus, al-Mu'jam al-'Arabi al-Hadith*. Paris: Maktabah Larus, h. 627.

<sup>17</sup> Teungku Muhammad Hasbi Ash Shiddieqy (1975), *Pedoman Zakat*. Yogyakarta: Bulan Bintang, h. 21.

solat.<sup>18</sup> Kondisi ini menegaskan kedudukan zakat yang cukup tinggi dalam syariat Islam.

Zakat itu dapat dikategorikan dalam dua bentuk, iaitu zakat *mal* dan zakat *fitrah*. Zakat *mal* diwajibkan kepada setiap Muslim yang merdeka, dan memiliki satu *nisab* dari salah satu jenis harta yang wajib dikeluarkan zakatnya.<sup>19</sup> Sementara, zakat *fitrah* merupakan zakat ke atas diri dan bukan ke atas harta yang berbeza dengan zakat-zakat lain. Zakat *fitrah* tidak tertakluk kepada syarat yang dikenakan kepada zakat harta.<sup>20</sup> Zakat *fitrah* disyariatkan dengan tujuan untuk menyucikan jiwa orang-orang yang melaksanakan puasa di bulan Ramadan, sekaligus memberi makan kepada orang-orang miskin dan mencukupi keperluan mereka ketika hari raya.<sup>21</sup> Juhur fuqaha mengatakan bahawa kekayaan bukanlah menjadi syarat wajib zakat *fitrah*, begitu juga *nisab*. Akan tetapi mencukupi apabila mempunyai lebih makanan untuk dirinya dan ahli keluarganya.<sup>22</sup> Berikut ini dikemukakan beberapa contoh ayat al-Quran dan hadith Nabi SAW yang menyebutkan tentang zakat, antaranya;

## 1. Al-Quran

### a. Surah al-Tawbah (9): 103

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan do'akanlah untuk

<sup>18</sup> Abdul Aziz Dahlan (ed.) (2000), *Ensiklopedi Hukum Islam*, j. 6. Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoeve, h. 1986.

<sup>19</sup> Sayyid Sabiq (1978), *Fiqh al-Sunnah*, j. 3. Kuwait: Dar el-Bayan, h. 25.

<sup>20</sup> al-Qaradawi (1991), *op. cit.*, h. 350.

<sup>21</sup> Imam Zainuddin Ahmad bin 'Abdul Latif al Zabidi (t.t.), *Al-Tajrij al-Sahih li Ahadith al-Jami' al-Sahih*. Beirut: Dar al-Fikr, h. 282.

<sup>22</sup> Ibnu Rusy (1989), *Bidayatu al-Mujtahid wa Nihayatul Muqtasid*, c.1. Beirut: Dar al-Jil, 623.

mereka, kerana sesungguhnya do'a-mu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Surah al-Tawbah (9): 103.

b. Surah al-Muzammil (73): 20.

...وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَقْرِضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ  
تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ هُوَ خَيْرًا وَأَعْظَمَ أَجْرًا ...

“... dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat; dan berilah pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (ikhlas). dan (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu kerjakan sebagai bekalan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya pada sisi Allah, sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahalanya ...”

Surah al-Muzammil (73): 20.

c. Surah al-Nur (24): 56.

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat dan taatlah kamu kepada Rasul Allah, supaya kamu memperoleh rahmat.

Surah al-Nur (24): 56.

d. Surah al-Baqarah (2): 110.

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ  
بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٠﴾

Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat; dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat segala yang kamu kerjakan.

Surah al-Baqarah (2): 110.

## 2. Hadith

### a. Hadith diriwayatkan dari ‘Abdullah bin Umar

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى غَمْسِ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَحَجِّ الْبَيْتِ وَصَوْمِ رَمَضَانَ.

Daripada ‘Abdullah ibn ‘Umar, katanya Rasulullah SAW telah bersabda: “Islam itu dibina (dan ditegakkan) di atas lima dasar (lima rukun), iaitu: Bersaksi bahawa tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, mengerjakan haji dan berpuasa Ramadan.

HR. Bukhari dan Muslim – al-Shaukani: 1/275.

### b. Sahih al-Bukhari

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ مُعَاذًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، إِلَى الْيَمَنِ ، فَقَالَ: أُدْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنِّي رَسُولُ اللَّهِ ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَذَا لِكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا لَذَا لِكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ ، تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ.<sup>23</sup>

Bahawa Nabi SAW mengutus Mu’az ke Negeri Yaman seraya berpesan: Seru mereka kepada menyaksikan bahawasanya ‘Tiada Tuhan melainkan Allah’, dan bahawasanya aku ini adalah Rasul Allah, dan jika mereka mentaatimu, maka permaklumkanlah kepada mereka, bahawasanya Allah telah menfardukan ke atas mereka lima solat pada tiap siang dan malam, dan jika mereka mentaatimu, maka permaklumkanlah kepada mereka, bahawasanya Allah telah memfardukan ke atas mereka sedekah (zakat) pada harta kekayaan mereka diambil dari para orang kaya di antara mereka dan diberikan kepada para fakir di antara mereka.

Sahih al-Bukhari

<sup>23</sup> Muhammad b. Isma’il Abu ‘Abd Allah al-Bukhari (1980), *Sahih al-Bukhari*. “Kitab al-Zakah”, no. hadith 1395, j.1. Qahirah: Salafiyah, h. 430.

c. Sahih al-Bukhari diriwayatkan dari Ibnu Umar

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ  
الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى الْعَبْدِ وَالْحُرِّ وَالذَّكْرِ وَالْأُنْثَى وَالصَّخِيرِ  
وَالْكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ ، وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ.<sup>24</sup>

Dari Ibnu Umar radiallahu-‘anhuma, dia berkata: Rasulullah SAW telah menfardukan zakat fitrah satu sha’ korma, atau satu sha’ dari terigu atau gandum ke atas setiap hamba sahaya dan orang merdeka, baik lelaki atau perempuan, yang kecil atau dewasa dari kaum muslimin, dan beliau menyuruh menunaikannya sebelum orang ramai keluar untuk bersolat hari raya.

Sahih al-Bukhari

Dari beberapa ayat dan hadith di atas secara implisit dapat dicermati bahawa keberadaan zakat begitu tinggi, dan kenyataan tersebut merupakan perkara yang tidak dipertentangkan lagi. Lalu, secara berurutan zakat menempati posisi ketiga dalam rukun Islam setelah solat dan syahadat. Apabila solat merupakan ibadah murni (*mahdah*), maka zakat adalah ibadah kepada Allah melalui perantaraan manusia, yang diistilahkan dengan ibadah sosial.

## 2.4 Hikmah dan Manfaat Zakat

Zakat mengandung hikmah dan manfaat yang besar dan mulia, baik yang berkaitan dengan orang yang berzakat (*muzakki*), penerimanya (*mustahik*), harta yang dikeluarkan zakatnya, mahupun bagi masyarakat keseluruhannya.<sup>25</sup> Hikmah dan manfaat zakat tersimpul dalam beberapa aspek, di antaranya sebagai perwujudan keimanan kepada Allah SWT mensyukuri nikmat-Nya, mendidik akhlak mulia melalui

<sup>24</sup> *Ibid.*, no. hadith 1503, h. 499.

<sup>25</sup> Abdurrahman Qadir (1998), *op. cit.*, h. 82.



perasaan kemanusiaan yang tinggi, menghilangkan sifat bakhil, rakus dan materialistik, memberi ketenangan hidup, dan membersihkan serta mengembangkan harta.<sup>26</sup> Dari segi pembangunan kesejahteraan umat, zakat merupakan salah satu instrumen keadilan pendapatan.<sup>27</sup> Menurut Wahbah al-Zuhaily,<sup>28</sup> paling tidak ada empat perkara penting dari hikmah zakat, yang dapat disimpulkan sebagai berikut:

- 1) Zakat dapat menjaga harta dari orang-orang yang berniat jahat;
- 2) Zakat merupakan bantuan untuk orang-orang fakir dan orang-orang yang memerlukan bantuan. Pengagihan zakat kepada *mustahik* memotivasi mereka untuk bekerja jika mereka kuat dan mempertingkatkan taraf hidup yang layak;
- 3) Zakat dapat membersihkan jiwa manusia dari sifat-sifat kikir dan tamak dan melatih dan mendidik mukmin menjadi dermawan pada kebaikan dan kemakmuran bersama serta suka beramal sosial; dan
- 4) Mempertingkatkan manusia untuk berterima kasih pada nikmat zakat yang diterimanya. Orang-orang yang tidak pernah menunaikan zakat akan membuat diri mereka angkuh dan sombong kerana menganggap harta itu semata-mata datang dari usaha dan kerja keras mereka sendiri tanpa bantuan orang lain.

Sementara itu pandangan yang dinyatakan oleh Mustaq Ahmad, bahawa zakat itu merupakan sumber utama bagi simpanan negara dan merupakan punca dari kehidupan ekonomi yang dicadangkan al-Quran.<sup>29</sup> Ianya berperanan sebagai modal untuk pembangunan masyarakat dan jaminan sosial.<sup>30</sup>

---

<sup>26</sup> Didin Hafidhuddin (2002), *Zakat dalam Perekonomian Modern*, c. 1. Jakarta: Gema Insani Press, h. 9.

<sup>27</sup> Ahmad Muflih Saefuddin (1986), *Pengelolaan Zakat Ditinjau dari Aspek Ekonomi*. Bontang: Badan Dakwah Islamiyah, LNG., h. 99.

<sup>28</sup> al-Zuhaily (1997), *op.cit.*, h. 750.

<sup>29</sup> Mustaq Ahmad (2001), *Etika Perdagangan dalam Islam*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, h. 75.

<sup>30</sup> Eri Sudewo (2001), "Peran, Fungsi, dan Kedudukan Zakat". *Republika*, November 27, h. 14.

## 2.5 Harta Sebagai Sumber Zakat

Secara umumnya, al-Quran menyatakan bahawa zakat itu diperoleh dari setiap harta yang dimiliki oleh orang Muslim. Imam al-Qurtubi menyatakan bahawa zakat itu diambil dari semua harta yang dimiliki<sup>31</sup> dan merupakan perintah Allah kepada orang-orang yang beriman untuk menunaikan zakat daripada harta mereka, baik berupa mata wang, barang perniagaan, haiwan ternakan, mahupun yang berbentuk tanaman, buah-buahan, dan biji-bijian.<sup>32</sup> Sejalan dengan itu, Muhammad Sulaiman Abdullah asqar menyatakan bahawa berzakat dan berinfaq itu harus dari harta yang baik, terpilih dan halal.<sup>33</sup>

Yusuf al-Qaradawi menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan harta (*al-amwal*) merupakan bentuk jamak dari kata *mal*, dan harta bagi orang Arab, yang dengan bahasanya al-Quran yang diturunkan, adalah segala sesuatu yang sangat diinginkan oleh manusia untuk menyimpan dan memilikinya.<sup>34</sup> Sebahagian ulama lain menyatakan, harta itu adalah segala yang diinginkan oleh manusia dan memungkinkan menyimpannya sampai tempoh masa yang diperlukan.<sup>35</sup> Dalam kaitannya dengan kewajipan zakat, maka pandangan-pandangan yang di atas dapat dijadikan sebagai rujukan, bahawa zakat itu dikeluarkan dari harta yang bernilai dalam pandangan manusia dan dapat digunakan mengikut keperluannya.

---

<sup>31</sup> Muhammad Ibn 'Abd al-Barr al-Namuri al-Qurtubi (1993), *al-Jami'li ahkam al-Quran*, j. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 156.

<sup>32</sup> Mustafā al-Marāghī (1974), *Tafsīr at-Marāghī*, j. 1. Beirut: Dar al-Fikr, h. 39.

<sup>33</sup> Muhammad Sulaimān Abdullah al-Asqar (1985), *Zubdah Tafsīr*. Kuwait: Wuzarah al-Augag wa Synun al-Islamiyah, h. 57.

<sup>34</sup> al-Qaradāwī (1991), *op. cit.*, h. 126.

<sup>35</sup> Mustafā Ahmad Zarqā (1946), *al-Fiqh al-Islami fi Taubihī al-Jadīd*. Damaskus: Jami'ah Damaskus, h. 118.

### 2.5.1 Sumber-Sumber Zakat

Jenis-jenis zakat yang dikemukakan dalam al-Quran dan hadith, menurut Ibn Qayyim pada dasarnya ada empat jenis, iaitu: tanam-tanaman dan buah-buahan, haiwan ternakan, emas dan perak, serta harta perniagaan. Beliau berpendapat, keempat jenis inilah yang paling ketara tersebar daripada umat manusia, dan keperluan kepadanya merupakan perkara yang *daruri*.<sup>36</sup> Manakala Mughniyah dalam Fiqh Lima Mazhab menyatakan bahawa harta benda yang wajib dikeluarkan zakatnya itu adalah haiwan ternakan, emas dan perak, tanaman dan buah-buahan, serta harta perniagaan.<sup>37</sup>

Al-Uthaimin dalam Fiqh 'Ibadah menyatakan pula bahawa harta yang wajib dikeluarkan zakatnya adalah emas dan perak, segala yang dikeluarkan dari perut bumi seperti tanam-tanaman dan biji-bijian, haiwan ternakan dan harta perniagaan.<sup>38</sup> Sementara itu, al-Jaziri dalam Fiqh Mazhab Empat menyatakan bahawa harta yang wajib dikeluarkan zakatnya itu ada lima macam, iaitu haiwan ternakan, emas dan perak, harta perniagaan, barang penemuan dan barang lombong, dan tanam-tanaman serta buah-buahan.<sup>39</sup> Sayyid Sabiq dalam Fiqh Sunnah menjelaskan bahawa yang wajib dikeluarkan zakatnya iaitu emas, perak, tumbu-tumbuhan, buah-buahan, perniagaan, haiwan ternakan, barang lombong, dan barang penemuan.<sup>40</sup> Manakala Abu Bakr Jabir al-Jazairi mengemukakan bahawa harta yang wajib dikeluarkan zakatnya, apabila memenuhi pensyaratan tertentu, iaitu emas dan perak, haiwan ternakan, buah-buahan,

---

<sup>36</sup> Ibnu Qayyim al-Jawziyyah (1990), *Mukhtasar Zad al-Ma'ad*, j. 2, c. 1. Kuwait: Dar al-Fikr, h. 3.

<sup>37</sup> Muhammad Jawad Mughniyah (1999), *al-Fiqh 'Ala Madzāhibi al-Khamsah*. Beirut: Dar al-Jawad h. 180.

<sup>38</sup> Muhammad bin Sali al-Uthaimin (1416), *Fiqh 'Ibadah*. Riyadh: Dar al-Watan, h. 191.

<sup>39</sup> Abdurrahman al-Jaziri (t.t.), *Fiqh 'Ala Mazāhib Al-Arba'ah*, j. 1. Mesir: Maktabah Tijariyyah Al-Kubra, h. 596.

<sup>40</sup> Sabiq (1978), *op. cit.*, h. 27.

biji-bijian, perniagaan, barang lombong, dan harta-harta karun (*rikaz*).<sup>41</sup> Selain jenis-jenis zakat yang disebutkan di atas (hasil tanaman, ternak, emas perak dan barang-barang perniagaan ada lagi bentuk harta yang boleh dikenakan zakat, seperti zakat pendapatan gaji, zakat atas wang simpanan, termasuk wang simpanan pekerja, bil-bil perbendaharaan, surat-surat jaminan berharga dan zakat atas harta saham yang merupakan sumber-sumber zakat baru.

### 2.5.2 Pensyaratan Harta Menjadi Sumber Objek Zakat

Kelayakan harta untuk dizakatkan, sepatutnya diambil kira mengenai sama ada zakat itu patut atau tidak sebelum dikeluarkan zakatnya. Di sini penulis dapat senaraikan syarat harta untuk dikeluarkan zakatnya, antaranya:

“Harta tersebut harus didapatkan dengan cara yang baik dan yang halal, boleh berkembang atau berpotensi untuk dikembangkan, harta itu harus dimiliki secara penuh, iaitu berada di bawah kawalan dan di dalam kuasa pemilikinya, harus mencapai *nisab*, sumber-sumber zakat tertentu, seperti perniagaan, penternakan, emas dan perak, mestilah telah berada atau dimiliki ataupun diusahakan oleh *muzakki* dalam tempoh masa satu tahun”.<sup>42</sup>

Sebahagian ulama mazhab Hanafi mensyaratkan kewajipan zakat setelah memenuhi keperluan yang utama, atau dengan perkataan lain zakat dikeluarkan setelah terdapat lebih dari keperluan hidup seharian.<sup>43</sup> Penulis sendiri berpendapat bahawa syarat-syarat ini seharusnya diambil kira, supaya orang-orang yang wajib mengeluarkan zakat itu betul-betul orang yang termasuk kategori mampu dan telah memenuhi keperluan hidupnya secara layak. Kecuali dalam menentukan kemampuan seseorang

---

<sup>41</sup> al-Jaziri (1997), *Minhaj Al-Muslim*. Kuwait: Dār el-Fikr, h. 248.

<sup>42</sup> Didin Hafidhuddin (2002), *op. cit.*, h. 20.

<sup>43</sup> Ibnu ‘Abidin (1966), *Raddul Mukhtar*, j. 2. Mesir: Musthafa Al-Babi Al-Halabi, h. 263.

untuk menjadi *muzakki*, ada dua pendekatan yang boleh digunakan. *Pertama*, diserahkan kepada kesedaran dan keikhlasan individu *muzakki* untuk mengira sendiri harta dan keperluan hidupnya dengan selesa. *Kedua*, dilakukan oleh Baitul Mal atau institusi-institusi zakat yang lain untuk menentukan sama ada seseorang itu termasuk kategori *muzakki* atau belum.

## 2.6 Pengagihan Zakat

M. Quraish Shihab<sup>44</sup> dalam tafsirnya membahagikan lapan golongan yang berhak menerima zakat berdasarkan surah al-Tawbah ayat 60, menjelaskan bahawa sesungguhnya zakat-zakat, bukan untuk mereka yang mencemuhkan itu, tetapi hanyalah dibahagikan untuk orang-orang fakir dan miskin, pengurus-pengurusnya, yakni mengumpulkan zakat, mencari dan menetapkan siapa yang layak menerima kemudian mengagihkannya, dan diagihkan juga kepada para *mu'allaf*, yakni orang yang di bujuk hatinya serta untuk memerdekakan hamba sahaya, dan orang-orang yang berhutang bukan kederhakaan kepada Allah, dan diagihkan juga pada *sabilillah* dan orang-orang yang kehabisan bekal yang sedang dalam perjalanan. Semua itu sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui siapa yang layak menerima dan Dia Maha Bijaksana dalam menetapkan ketentuan-ketentuan-Nya. Kerana itu tidak boleh dibahagikan kecuali yang ditetapkan-Nya itu selama mereka ada. Lapan golongan penerima zakat, iaitu;

***Pertama/Kedua: Fakir-Miskin*** – Terdapat pelbagai pandangan para ulama dalam mentakrifkan fakir itu. Sebahagian ulama menyatakan erti fakir kebalikan dari

---

<sup>44</sup> M. Quraish Shihab (2005), *Tafsir al-Mishbah*, v. 5. c. 4. Jakarta: Lentera Hati, h. 629-630.

kaya. Ia digunakan untuk menerangkan orang yang hidup dalam keadaan 'seadanya'.<sup>45</sup> Yusuf al-Qaradawi mentakrifkan fakir adalah orang yang dalam keperluan, tetapi dapat mengawal diri tidak meminta-minta.<sup>46</sup> Ibnu Kathir menjelaskan bahawa orang fakir itu adalah orang yang cacat tubuh sedangkan orang miskin orang yang sihat jasmaninya.<sup>47</sup> Menurut Imam an-Nawawi yang termasuk fakir iaitu jika seseorang itu tidak mempunyai pekerjaan langsung atau mempunyai pekerjaan<sup>48</sup>, tetapi tidak mencukupi keperluannya, walaupun ia mempunyai rumah yang dihuni dan mempunyai pembantu. Sedangkan orang miskin adalah orang yang punya harta dan usaha akan tetapi tidak mencukupi keperluan asas hidupnya, seperti orang yang keperluannya sepuluh tetapi ia hanya memiliki tujuh atau sederhananya ianya memiliki harta setengah atau lebih.<sup>49</sup>

Ibn Manzur menjelaskan tiga pandangan utama tentang siapa yang lebih baik keadaannya di antara fakir dan miskin. Pendapat yang pertama mengatakan bahawa fakir lebih baik keadaannya daripada miskin manakala miskin pula lebih buruk daripada fakir. Pandangan ini dipegang oleh Yunus, Ibn al-Sakit, Abu Hanifah dan Imam Malik.<sup>50</sup> Pendapat kedua pula menyatakan bahawa fakir lebih buruk daripada miskin manakala miskin pula lebih baik pula daripada fakir. Pandangan ini sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Asma'i, Ahmad bin Ubay, Abu Bakr, al-Farra' dan Imam Shafi'i.<sup>51</sup>

---

<sup>45</sup> Ibn Manzur al-Afriqi al-Masri (1990), *Lisān al-'Arab*, j. 5. Beirut: Dar al-Fikr, h. 60.

<sup>46</sup> al-Qaradawi (1991), *op. cit.*, h. 546. Lihat juga Muhammad Ibnu Jarir al-Tabary (t.t.), *Tafsir al-Tabary*, j. 10. Mesir: Mathba'ah al-Kubra al-Amiriyah, h. 158.

<sup>47</sup> Ibnu Kathir (1985), *Tafsir al-Quran al-'Azim*, j. 9. Beirut: 'Alam al-Kutb, h. 364.

<sup>48</sup> Maksud daripada pekerjaan di sini adalah pekerjaan yang sesuai dengan keadaannya dan prestasinya. Pekerjaan yang tidak sesuai dengan keadaan dan prestasi seseorang dianggap dia tidak mempunyai pekerjaan. Dan orang yang mempunyai pekerjaan yang sesuai, akan tetapi ia sibuk mencari ilmu shar'iyah, di boleh menerima zakat atas nama fakir, kerana mencari ilmu itu hukumnya fardu kifayah. Akan tetapi jika ia tidak mampu memperolehi ilmu, meskipun ia bemukim di kampus, sedang ia mampu untuk bekerja, maka ia tidak halal menerima zakat. Untuk lebih jelas sila rujuk dalam Muhyiddin Abu Zakariya Yahya bin Sharauf an-Nawawi (t.t.), *al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*, j. 6. Beirut: Dar al-Fikr, h. 189-199.

<sup>49</sup> al-Qurtubi (1993), *op. cit.*, h. 169.

<sup>50</sup> Ibn Manzur (1990), *op. cit.*, j. 6, h. 314 & j. 10, h. 299.

<sup>51</sup> *Ibid.*

Pendapat ini juga disokong oleh Imam Ahmad bin Hambal.<sup>52</sup> Pendapat ketiga pula menyatakan bahawa fakir adalah sama sahaja dengan miskin iaitu orang yang tidak mempunyai harta sesuatu pun. Pendapat yang kurang popular ini dipegang oleh Ibn al-‘Arabi.<sup>53</sup>

**Ketiga: ‘Amilin** – Menurut jumhur ulama, iaitu mazhab Shafi’i, Maliki dan Hambali, *amilin* adalah orang yang mengurus segala permasalahan zakat, seperti memungut dan mengumpulkan zakat, menulis jumlah zakat yang masuk dan berapa jumlah keluar serta berapa bakinya, pemelihara harta zakat dan mengagihkannya kepada yang berhak (*mustahik*).<sup>54</sup> Sedangkan menurut mazhab Hanafi, *amilin* adalah orang-orang yang dipekerjakan oleh *Imam* untuk mengumpulkan zakat.<sup>55</sup> Menurut Yusuf al-Qaradawi, ‘*amilin* dapat diertikan orang yang bekerja dalam perlengkapan administrasi pengurusan zakat, sama ada urusan pemungutan, pemeliharaan, pentadbiran, pengiraan, mahupun penggunaannya.<sup>56</sup>

**Keempat: Mu’allaf** - Orang yang baru memeluk Islam, iaitu orang yang dijinakkan hatinya supaya tetap mencintai Islam. Pengagihan zakat atau sedekah boleh melunakkan dan menjinakkan hati *mu’allaf*.<sup>57</sup> Ibn Manzur memberikan huraian tentang *mu’allaf* adalah mereka yang di bujuk hatinya (yang dijelaskan) di dalam ayat zakat adalah satu golongan yang terdiri daripada orang-orang terhormat bangsa Arab, di mana Allah memerintahkan kepada Nabi-Nya pada mula Islam untuk membujuk mereka iaitu

---

<sup>52</sup> Mansur bin Yunus bin Idris al-Bahuti (1982), *Kashshaf al-Qinā ‘an Matn al-Iqna*, j. 2. Beirut: Dar al-Fikr, h. 271-272.

<sup>53</sup> Ibn Manzur (1990), *op. cit.*, j. 6, h. 314 & j. 10, h. 299.

<sup>54</sup> al-Qurtubi (t.t.), *al-Kāfi fi Fiqh ahl al-Madīnat al-Maliki*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyat, h. 114.

<sup>55</sup> Syam al-Din al-Sarakhsi (1993), *al-Mabsut*, j. 3. Beirut: Dar al-Fikr, h. 9.

<sup>56</sup> al-Qaradawi (1991), *op. cit.*, h. 579.

<sup>57</sup> Mahmud Zuhdi Abd Majid (2003), *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 427.

dengan mendekati mereka dan member mereka zakat supaya anak buah mereka tertarik pada agama Islam.<sup>58</sup> Abu Ya'la mengemukakan dalam kitabnya *Al-Ahkam al-Sultaniyah*, bahawa *mu'allaf* yang dipujuk hatinya itu ada empat golongan,<sup>59</sup> iaitu:

- 1) Golongan yang di bujuk hatinya untuk membantu Islam;
- 2) Golongan yang di bujuk hatinya untuk mempertahankan Islam;
- 3) Golongan yang di bujuk hatinya untuk menggalakkan rasa cintanya kepada Islam, dan
- 4) Golongan yang di bujuk hatinya untuk menggalakkan rasa cinta kaumnya dan ahli keluarganya terhadap Islam.

**Kelima: Riqab** - Wahbah al-Zuhailly<sup>60</sup> memberikan pandangan tentang *riqab* adalah sebagai berikut: “Mereka itu menurut pandangan jumbuh adalah hamba Muslim yang melakukan perjanjian (dengan tuannya) dan tidak memiliki apa-apa untuk melunasi perjanjiannya sekalipun dengan kerja keras. Sebab dia tidak mungkin membayar seseorang supaya bebas dari penghambaan kecuali hamba tersebut adalah hamba yang melakukan perjanjian dengan tuannya”. Yusuf al-Qaradawi menjelaskan bahawa memerdekakan hamba itu boleh dengan dua jalan: *pertama*, menolong hamba *mukatib*<sup>61</sup> dan yang *kedua*, seseorang dengan harta zakatnya membeli hamba abdi dan dimerdekakan. Al-Qaradawi lebih jauh mengembangkan makna *riqab* tidak hanya kepada dua pengertian di atas tetapi disesuaikan lagi kepada perkembangan sosial dan politik. Hal senada juga dinyatakan oleh Rashid Rida dan Mahmud Syaltut.<sup>62</sup>

---

<sup>58</sup> Ibn Manzur (1990), *op. cit.*, j. 3, h. 10.

<sup>59</sup> Al-Qadi Abu Ya'la (1356), *Al-Ahkamu as-Sultaniyah*, c. 2. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 132.

<sup>60</sup> al-Zuhailly (1997), *op. cit.*, h. 872.

<sup>61</sup> *Mukatib* maksudnya adalah membantu hamba yang telah melakukan perjanjian dan kesepakatan dengan tuannya bahawa jika ia sanggup menghasilkan harta dengan jumlah tertentu, maka ia bebas dari perhambaan. Ibn 'Arabi (1967), *Ahkam al-Quran*, j. 2. t.t.p.: 'Isa al-Bab al-Halab wa Siqat, h. 955.

<sup>62</sup> al-Qaradawi (1991), *op. cit.*, h. 587-592.



Mahmud Syaltut menambahkan, bahawa sekarang ini *riqab* model baharu yang di maksud adalah perhambaan bangsa, baik dalam cara berfikir, ekonomi, kekuasaan mahupun kedaulatan.<sup>63</sup> Senada dengan itu, pandangan Rasyid Rida dan al-Qaradawi yang menyatakan bahawa pengertian *riqab* sekarang ini adalah orang atau bangsa yang terjajah oleh kolonialis, kerana semuanya mengandung sifat perhambaan. Alasan hukum yang terkandung dalam pengertian *al-riqab* adanya sifat pemerasan (eksploitasi) dari manusia atas manusia yang mesti dibebaskan.<sup>64</sup> Kerana itu, dalam pengertian ini termasuk pembebasan dari penjajahan, golongan atau bangsa yang sedang membebaskan diri dari eksploitasi pihak lain.

**Keenam: *Gharimin*** - Isma'il Haqy al-Basawy mentafsirkan kata “ الغارمين ”

dengan orang yang berhutang tetapi bukan kerana maksiat, baik kerana urusan peribadi atau kerana banyak melakukan kebaikan dan kemaslahatan.<sup>65</sup> Demikian halnya dengan pendapat Imam Malik, Shafi'i dan Ahmad. Manakala menurut mazhab Abu Hanifah, *gharimin* adalah orang yang mempunyai hutang dan tidak mempunyai bahagian yang lebih dari hutangnya. Al-Thabari menceritakan dari Abu Ja'far dan Qatadah, bahawa *gharimin* adalah orang yang berhutang dalam hal yang tidak bersifat pemborosan. Dan ketua negara mesti membayar hutangnya dari *bait al-mal*. Mereka ini ada yang meminjamkan untuk kepentingan peribadi dan ada juga untuk kepentingan umat Islam.

*Gharimin* ini adalah orang yang mempunyai hutang untuk kemaslahatan dirinya sendiri dalam melakukan ketaatan dan kebaikan atau untuk kemaslahatan umat. Termasuk di sini orang yang dinyatakan bankrap dalam perusahaannya dan para

<sup>63</sup> Mahmud Shaltut (1987), *Islam al-'Aqidah wal al-Shari'ah*. Mesir: Dar al-Mashriq, h. 104.

<sup>64</sup> Sjechul Hadi Permono (1995), *Pendayagunaan Zakat Dalam Rangka Pembangunan Nasional: Persamaan dan Perbedaannya dengan Pajak*, c. 2. Jakarta: Pustaka Firdaus, h. 56.

<sup>65</sup> Isma'il Haqy al-Basawy (t.t.), *Tafsir Ruh al-Bayan*, j. 3. Beirut: Dar al-Fikr, h. 454.

peniaga kecil di pasar yang memperdagangkan barang orang, yang tertimpa musibah kebakaran atau dagangannya dirampas orang.<sup>66</sup>

**Ketujuh: *Fi Sabil-Allah*** - Menurut Imam al-Ghazali<sup>67</sup> golongan ini ditujukan untuk kaum Muslimin yang berperang demi menegakkan Islam dan tidak mendapatkan gaji yang khas sekalipun mereka kaya. Harta zakat ini hanya diagihkan ketika mereka sedang berperang, jika mereka tidak berperang maka zakat ini tidak diagihkan. Dari segi asas maknanya, *sabilillah* bererti jalan yang menuju kepada Allah untuk mendapatkan keredaan-Nya, manakala dari segi makna istilahnya ialah orang yang sedang berperang, peperangan itu dimaksudkan untuk kemaslahatan umat Islam. Maka dapat dirumuskan bahawa segala yang dapat mendekatkan (*taqarrub*) diri kepada Allah SWT untuk mendapatkan keredaan-Nya dan bermanfaat untuk kemaslahatan umat Islam dapat dikategorikan dalam golongan ini. Dengan demikian, jika bukan dalam keadaan peperangan, maka bahagian daripada *sabilillah* dapat diagihkan kepada pendidik, penuntut ilmu, pembinaan tempat pendidikan/ asrama, tempat peribadatan, pembinaan jambatan dan lain sebagainya. Adapun orang yang mengkhususkan diri dalam beribadah dan pembiayaan ibadah haji tidak termasuk dalam kategori ini kerana bukan untuk kemaslahatan am. Pandangan inilah yang banyak dikemukakan oleh para ulama-ulama kontemporari seperti Muhammad Rashid Rida<sup>68</sup> dan ulama-ulama lainnya.

**Kelapan: *Ibnu al-Sabil*** - *Ibnu al-Sabil* adalah orang yang sedang dalam perjalanan jauh (musafir) yang bukan perjalanan dalam melakukan maksiat.<sup>69</sup> Imam Tabari menyatakan dari Mujahid bahawa *ibnu al-sabil* mempunyai hak daripada zakat

---

<sup>66</sup> al-Qaradawi (1991), *op. cit.*, h. 622-623.

<sup>67</sup> Abu Hamid al-Ghazali (t.t.), *Ihya' Ulum al-Din*, j. 2. Beirut: Dar al-Fikr, h. 39.

<sup>68</sup> Muhammad Rashid Rida (1950), *Tafsir al-Manar*, j. 10. Cairo: Dar al-Manar, h. 585.

<sup>69</sup> Ibn Manzur (1990), *op. cit.*, h. 52.

walaupun ia kaya apabila terputus bekalnya.<sup>70</sup> Ibnu Zaid menyatakan bahawa *ibnu al-Sabil* adalah musafir apakah ia kaya atau miskin, apabila mendapat musibah dalam bekalnya atau hartanya, atau langsung tidak mempunyai bekal apa-apa, maka dalam keadaan demikian haknya terhadap zakat bersifat pasti.<sup>71</sup>

Menurut jumhur ulama, *ibnu al-Sabil* adalah kiasan untuk musafir iaitu orang yang melintas dari suatu daerah ke daerah lain. Dengan demikian orang yang baru ingin melaksanakan perjalanan tidak termasuk dalam kategori golongan ini. Hal ini berbeza dengan pandangan Imam Shafi'i yang menyatakan bahawa orang yang bermaksud melakukan perjalanan yang tidak mempunyai bekal sama halnya dengan orang yang sedang dalam perjalanan sehingga berhak memperoleh bahagian zakat asalkan perjalanannya itu bukan untuk maksiat, kerana keduanya mempunyai persamaan dalam hal kekurangan biaya perjalanan.<sup>72</sup>

Dalam menanggapi dua pandangan di atas, al-Qaradawi menyatakan bahawa pandangan jumhur lebih sesuai dengan sifat *ibnu al-Sabil* dan lebih dekat dengan tujuan syariat. Maka tidaklah setiap orang menginginkan atau bermaksud melakukan perjalanan berhak diberikan bahagian daripada zakat. Adapun pandangan Imam Shafi'i boleh dipergunakan bagi orang yang melakukan perjalanan untuk keperluan orang ramai/ am, yang manfaatnya kembali kepada masyarakat Islam atau agama Islam, seperti berpergian sebagai utusan yang bersifat keilmuan atau amaliah yang diperlukan oleh sesebuah negara Islam.<sup>73</sup>

---

<sup>70</sup> al-Tabary (1992), *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Quran*, j. 14. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 320.

<sup>71</sup> *Ibid.*

<sup>72</sup> an-Nawawi (t.t.), *op. cit.*, h. 214.

<sup>73</sup> al-Qaradawi (1991), *op. cit.*, h. 677.

## 2.7 Penggunaan Zakat Secara Produktif

Bentuk agihan zakat di Indonesia pada dasarnya merujuk kepada Undang-undang Nombor 38 Tahun 1999, bab V dan pasal 17 yang menyatakan,<sup>74</sup> hasil pungutan zakat diagihkan untuk *mustahik* sesuai dengan ketentuan agama. Pengagihan hasil pungutan zakat berasaskan kepada keperluan *mustahik* dan boleh digunakan dalam usaha produktif.<sup>75</sup>

Pensyaratatan dan prosedur agihan zakat diatur dengan keputusan Kementerian Agama Republik Indonesia. Hasil penerimaan infak, sedekah, hibah, wasiat, waris dan kafarah diutamakan sebagai agihan zakat berbentuk modal usaha. Demikian pula dalam Kanun Aceh Nombor 10 Tahun 2007 tentang Baitul Mal, pada bab VI pasal 29 yang dinyatakan bahawa “zakat dipergunakan untuk keperluan *mustahik*, baik yang bersifat produktif mahupun diagihkan secara langsung berasaskan ketentuan syariah”.

Merujuk kepada kedua-dua penetapan di atas, fungsi zakat selain dipergunakan untuk keperluan *mustahik* sehari-hari, juga dibolehkan untuk diproduktifkan. BMA yang bermula ditubuhkan pada 12 Januari tahun 2004 yang tugas utamanya adalah mentadbir zakat, memungut dan mengagihkannya kepada mereka yang berhak menerimanya (*mustahik*). Sehingga kini, BMA sudah mengumpulkan dana zakat sebanyak Rp 13.7 bilion lebih dan yang sudah diagihkan sebanyak Rp 9.6 bilion lebih iaitu dari tahun 2004 sehingga tahun 2009, sama ada diagihkan secara langsung mahupun untuk diproduktifkan. Dalam Jadual 2.1 di bawah ini disenaraikan jumlah penerimaan zakat dan jumlah pengagihan pada tahun 2004 hingga 2009.

---

<sup>74</sup> Republik Indonesia (1999a), *Undang-undang Nombor 38 Tahun 1999 tentang Pengurusan Zakat*, fasal 16-17.

<sup>75</sup> Modal Usaha.

**Jadual 2.1: Penerimaan dan Pengagihan Zakat, Infak dan Sedekah (ZIS) Baitul Mal Aceh Tahun 2004 - 2009**

| No        | Tahun     | Penerimaan (Rp)   | Pengagihan (Rp)  | Baki (Rp)        |
|-----------|-----------|-------------------|------------------|------------------|
|           | Baki Awal |                   |                  | 352,582,000.51   |
| 1         | 2004      | 1,283,646,192.00  | 856,262,000.00   | 779,966,192.51   |
| 2         | 2005      | 1,192,889,649.47  | 364,360,250.00   | 1,608,495,591.98 |
| 3         | 2006      | 2,007,059,385.00  | 1,597,290,637.10 | 2,018,264,339.88 |
| 4         | 2007      | 2,782,764,002.50  | 1,906,685,000.00 | 2,894,343,342.38 |
| 5         | 2008      | 3,069,426,924.00  | 2,401,213,400.00 | 3,562,556,866.38 |
| 6         | 2009      | 3,419,814,769.50  | 2,477,955,000.00 | 4,504,416,635.88 |
| T o t a l |           | 13,755,600,922,47 | 9,603,766,287.10 | 4,504,416,535.88 |

Sumber: Baitul Mal Aceh

Dalam pelaksanaannya, penggunaan dana zakat sekarang ini di tengah masyarakat Indonesia setidaknya dapat dikategorikan ke dalam empat bentuk<sup>76</sup>, iaitu: *Pertama*, penggunaan zakat secara tradisional iaitu penggunaan zakat secara langsung (*hand to hand*) seperti pengagihan zakat fitrah atau zakat mal (harta) kepada fakir miskin yang digunakan terus untuk memenuhi keperluan asas dalam kehidupan seharian, seperti keperluan pakaian, makanan, dan tempat tinggal yang lebih dikenali dengan keperluan primer. Agihan zakat secara langsung menunjukkan harta yang habis dalam masa yang relatif singkat. Secara teori dikemukakan dalam penjelasan pasal 16 dan 17 Undang-undang Nombor 38 Tahun 1999 bahawa:

“*Mustahik* yang mendapat agihan zakat tersebut atau agihan zakat bukan dalam bentuk modal adalah di kalangan *mustahik* yang lapan. Dalam pelaksanaan pengagihan zakat secara langsung, terdapat penambahan bilangan penerima agihan zakat, iaitu mencakupi orang-orang yang

<sup>76</sup> Muhammad Daud Ali (1998), *Sistem Ekonomi Islam : Zakat dan Wakaf*, c. 1. Jakarta: UI Press, h. 61. Lihat Amiruddin Inoed *et al.* (2005), *Anatomi Fiqih Zakat*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 3-4. Lihat juga Departemen Agama Republik Indonesia (2002), *Pedoman Zakat 9 Seri*, c. 1. Jakarta: Bahagian Projek Peningkatan Zakat dan Wakaf, h. 243-244.

tidak mempunyai kemampuan dalam bidang ekonomi, dan sangat memerlukan bantuan,<sup>77</sup> seperti anak yatim, orang yang sudah tua, orang cacat, pelajar yang sedang menuntut ilmu, pembinaan asrama, kanak-kanak terbiar dan mereka yang menghadapi bencana alam”.<sup>78</sup>

Pengagihan zakat secara langsung kepada asnaf yang berkelayakan akan ditentukan mengikut sebab yang membolehkannya untuk menerima agihan zakat ini. Di antara sebab tersebut seperti yang telah dilaksanakan oleh BMA adalah warga emas (uzur), orang kurang berupaya (kecacatan) yang tidak mampu untuk bekerja, dan dalam kategori asnaf fakir. Adapun pengagihan bantuan wang untuk keperluan asas, pembiayaan perubatan adalah kategori ini dimasukkan kepada asnaf miskin. Pengagihan bantuan biasiswa kepada anak *mu'allaf* di kawasan yang mudah dipengaruhi agama lain turut dimasukkan dalam asnaf *mu'allaf*. sedangkan biasiswa kepada pelajar dari keluarga miskin, pelajar dari keluarga miskin dan mahasiswa dari keluarga kurang berkemampuan dimasukkan dalam kategori asnaf *ibnu al-Sabil*. Pengagihan bantuan untuk pembinaan rumah ibadah, diambil dari asnaf *fi Sabil-Allah*. Bantuan bencana alam, musafir yang kehabisan sara hidup dan biaya perubatan untuk orang terbiar dimasukkan dalam kategori asnaf *al-Gharimin*.<sup>79</sup> Manakala sebahagian pembiayaan operasi BMA akan dimasukkan dalam kategori '*amil*. Biaya operasional ini mencakup keperluan operasional pengurus dan gaji para karyawan sebahagian sudah diperuntukan oleh kerajaan melalui APBA (Anggaran Pendapatan Belanja Aceh), manakala sebahagian lagi diambil 10 peratus dari asnaf '*amil* sebagai hak kerja '*amil*.<sup>80</sup>

Untuk lebih terperinci sila rujuk Jadual 2.2;

---

<sup>77</sup> Republik Indonesia (1999b), *Keputusan Kementerian Agama Republik Indonesian Nombor 581 Tahun 1999 tentang Pelaksanaan Undang-undang Nombor 38 Tahun 1999 tentang Pengurusan Zakat*, bab V fasal 28.

<sup>78</sup> Republik Indonesia (1999c), *Penjelasan Undang-Undang Nombor 38 Tahun 1999*.

<sup>79</sup> Amrullah (2010), "Pengembangan Kratifitas Organisasi Pengelola Zakat (Baitul Mal)", *Majalah Baitul Mal Aceh*, e. 4/ Disember 2009 – Januari 2010, Banda Aceh: Baitul Mal Aceh, h. 15-16.

<sup>80</sup> Tuan Sayed Muhammad Husen, Kepala Bidang Pengumpulan Zakat Baitul Mal Aceh. Temu bual pada 17 Jun 2010.

**Jadual 2.2: Pengagihan Zakat Secara Langsung Per Asnaf Tahun 2006 - 2009**

| No          | Asnaf                | T a h u n |           |           |           | Jumlah    | %    |
|-------------|----------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|------|
|             |                      | 2006/Juta | 2007/Juta | 2008/Juta | 2009/Juta |           |      |
| 1           | Fakir                | 13,050    | 297,750   | 412,870   | 489,027   | 1,312,697 | 19%  |
| 2           | Miskin <sup>81</sup> | 570,575   | 371,463   | 379,000   | 400,000   | 1,721,038 | 25%  |
| 3           | 'Amil                | 86,317    | 120,839   | 226,600   | 235,536   | 669,293   | 10%  |
| 4           | Mu'allaf             | 220       | 49,250    | 46,339    | 71,550    | 167,359   | 2%   |
| 5           | Riq'ab               | -         | -         | -         | -         | -         | 0%   |
| 6           | Gharim               | -         | 148,650   | 232,129   | 44,185    | 424,964   | 6%   |
| 7           | Fi sabil-<br>allah   | 119,400   | 261,575   | 251,200   | 222,800   | 854,975   | 12%  |
| 8           | Ibnu al-<br>Sabil    | 223,860   | 453,800   | 479,500   | 568,500   | 1,725,660 | 25%  |
| J u m l a h |                      | 1,113,422 | 1,703,327 | 2,027,638 | 2,031,598 | 6,875,986 | 100% |

Sumber: Baitul Mal Aceh

Menurut Sjeichul Hadi Pernomo, pengagihan zakat secara langsung mempunyai kecenderungan kepada inflasi, kerana sebahagian besar daripada asnaf yang lapan ini mempunyai kecenderungan penggunaan lebih tinggi, sehingga akan menyebabkan naiknya permintaan dan tingginya harga penawaran. Menurutnya lagi, langkah supaya tidak berlaku inflasi, perlu diterapkan sistem *surplus zakat budget* iaitu zakat yang telah dikumpulkan tidak diagihkan seluruhnya, namun diagihkan sebahagiannya dan sebahagiannya lagi dapat dilaburkan dalam bentuk produktif.<sup>82</sup>

*Kedua*, penggunaan zakat secara kreativiti iaitu zakat yang diwujudkan dalam bentuk yang lain dari barangnya semula, seperti diberikan dalam bentuk biasiswa, alat-alat keperluan pertanian, dan sebagainya.

*Ketiga*, penggunaan zakat secara produktif tradisional iaitu zakat dimanfaatkan dalam bentuk barang-barang atau benda-benda produksi, seperti penternakan lembu,

<sup>81</sup> Tidak termasuk untuk agihan zakat produktif

<sup>82</sup> Sjeichul Hadi Pernomo (2009), "Tinjauan Fiqh Pentasharufan Zakat" (Kertas Kerja, Forum Zakat V, Surabaya, 29 April 2009), dalam Majalah Baitul Mal Aceh, *op. cit.*, h. 10.

mesin jahit, dan lain-lain. Pemberian dalam bentuk ini diharapkan dapat mencipta suatu usaha atau memberikan kemudahan lapangan pekerjaan baru bagi para *mustahik*. Dan *keempat*, penggunaan zakat secara produktif kreativiti iaitu penggunaan zakat yang diwujudkan dalam bentuk modal, baik untuk membina suatu projek sosial atau untuk membantu atau menambah modal usaha peniaga kecil.<sup>83</sup> Dengan penggunaan pola ketiga dan keempat, fungsi zakat dari segi ibadah dan sosial dapat diwujudkan. Sehingga dapatlah difahami apabila kerajaan mengatur masalah penggunaan dana umat secara produktif ini di dalam Undang-undang pengurusan zakat sebagai wujud kepedulian kerajaan terhadap pemenuhan sumber dana zakat bagi kesejahteraan umat.

### 2.7.1 Definisi Zakat Produktif

Dari sudut bahasa, perkataan produktif berasal dari bahasa Inggeris “*productive*” yang bererti berdaya keluaran; memberi banyak hasil; banyak menghasilkan barang-barang; yang mempunyai hasil baik, “*productivity*” daya produksi”.<sup>84</sup> Umumnya produktif (*productive*) “bersifat atau berupaya (mampu) menghasilkan (dalam jumlah besar); mendatangkan atau memberi hasil; banyak menghasilkan karya atau barang”.<sup>85</sup> Produktif juga bererti “yang menghasilkan sesuatu memberi kepuasan kehendak; banyak menghasilkan; memberikan banyak hasil”.<sup>86</sup>

---

<sup>83</sup> Muhammad Daud Ali (1998), *op. cit.*, h. 62-63.

<sup>84</sup> Sheikh Othman Sheikh Salim (ed.) (1992), *Kamus Inggeris Melayu Dewan English-Malay Dictionary*, c. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 1240. Lihat juga: Joyce M. Hawkins (1996), *Kamus Dwi Bahasa Inggeris-Indonesia, Indonesia Inggeris*. Jakarta: Oxford-Erlangga, h. 267 dan John M. Echols dan Hassan Shadily (1993), *Kamus Inggeris-Indonesia*, c. xix. Jakarta: PT Gramedia, h. 449.

<sup>85</sup> Mahmud bin Haji Bakry (ed.) (2003), *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunai, h. 2141. Lihat juga Save M. Dagun (2000), *Kamus Besar Ilmu Pengetahuan*, c. 2. Jakarta: LPKN, h. 893.

<sup>86</sup> Kelana C. M. dan Lai Choy (1998), *Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris*. Selangor: Daya Sdn. Bhd, h. 1128. Lihat juga: Awang Sudjai Hairul dan Yusoff Khan (1990), *Kamus Lengkap*. Petaling Jaya: Pustaka Zaman Sdn Bhd, h. 848.



Pengertian produktif dalam kajian ini lebih berkonotasi kepada perkataan sifat. Perkataan sifat akan jelas maknanya apabila digabung dengan perkataan yang disifatkannya. Perkataan yang disifatkannya adalah perkataan zakat, 'zakat produktif'. Iaitu zakat yang produktif, zakat di mana yang dalam pengagihannya bersifat produktif. Lebih tegasnya zakat produktif dalam karya tulis ini adalah penggunaan zakat secara produktif, lebih kepada bagaimana cara atau metode menyampaikan dana zakat kepada sasaran dalam pengertian yang lebih luas, sesuai dengan tujuan syarak. Cara pemberian yang tepat dan berguna, efektif manfaatnya dengan sistem yang ada dan produktif.

Jadi dapat disimpulkan, zakat produktif adalah pengagihan zakat yang dapat membuat para penerima dapat menghasilkan sesuatu secara terus menerus, dengan harta zakat yang telah diterimanya. Dengan perkataan lain zakat produktif adalah dana zakat yang diagihkan kepada *mustahik* untuk dikembangkan dan digunakan untuk membantu usaha mereka, sehingga dengan usaha tersebut mereka dapat memenuhi keperluan hidup secara terus menerus.

### **2.7.2 Landasan Zakat Produktif**

Sekarang ini istilah zakat produktif sudah lumrah digunakan, ini terbukti di kebanyakan pelbagai institusi zakat di Indonesia bahkan di Malaysia sudah melaksanakan kaedah penggunaan harta agama ini untuk dikembangkan. Terlepas daripada pelbagai pandangan para cendekia, baik dari ulama *mutaqaddim* ataupun *mutakhir* adanya keraguan tentang boleh atau tidaknya sistem tersebut dilaksanakan. Dalam al-Quran, al-hadith dan ijma' sendiri tidak disebutkan secara jelas tentang kaedah pengagihan zakat. Dapat dikatakan tidak ada dalil naqli yang mengatur tentang

bagaimana pengagihan zakat itu kepada *mustahik*. Oleh sebahagian besar para ulama menggunakan ayat 60 dalam surah al-Tawbah (9) dijadikan sebagai asas hukum dalam pengagihan zakat tersebut. Namun ayat ini hanya menyebutkan orang-orang yang berhak menerima zakat sahaja, tanpa menyebutkan kaedah pengagihan zakat tersebut sama ada dalam bentuk produktif mahupun dalam bentuk lainnya.<sup>87</sup>

Namun kalau kita merujuk semula kepada pentafsiran kandungan firman Allah SWT dalam lanjutan Surah al-Tawbah (9), ayat 103, terdapat lafaz *tuzakkihim* (تَزَكِّيهِمْ) yang berasas dari kata *zaka* (زَكَاتٌ) dan *tazkiyah* (تَزْكِيَةٌ) boleh bererti ‘suci’ dan dapat pula bererti ‘berkembang’.<sup>88</sup> M. Quraish Shihab dalam bukunya ‘*Membumikan al-Quran*’ menyebutkan pengembangan zakat itu dapat ditinjau dari dua aspek, iaitu;

*Pertama*, dari aspek rohaniah, Allah SWT akan menggandakan pahala untuk orang yang menunaikan zakat kerana telah melaksanakan kewajipan yang telah ditetapkan Allah SWT serta telah membantu saudaranya yang memerlukan. *Kedua*, dari aspek ekonomi, dengan mengagihkan zakat kepada *mustahik* bererti telah mewujudkan keupayaan membeli kepada barang-barang ekonomi. Harta zakat yang diagihkan itu tentunya akan dimanfaatkan untuk memenuhi keperluan hidupnya.”<sup>89</sup>

Dengan demikian, zakat dapat membersihkan dan mengembangkan harta yang bermanfaat bukan hanya dirasai oleh *muzakki* sahaja akan tetapi *mustahik* turut merasainya. Dalam tinjauan ekonomi, keupayaan membeli *mustahik* tersebut dapat mempercepat tingkat pertumbuhan ekonomi dengan terciptanya keseimbangan interaksi antara pengeluaran dan pengguna.

---

<sup>87</sup> Armiadi (2008), *Zakat Produktif: Solusi Alternatif Pemberdayaan Ekonomi Umat (Potret & Praktek Baitul Mal Aceh)*, c. 1. Banda Aceh: Ar-Raniry Press, h. 71.

<sup>88</sup> M. Quraish Shihab (2005), *op. cit.*, h. 710.

<sup>89</sup> \_\_\_\_\_ (2000), *Membumikan al-Qur'an*, c. xxi. Bandung: Mizan, h. 325. Lihat juga Muhammad Ali al-Sabuni (1996), *Safwat al-Tafasir*. Beirut: Dar al-Fikr, h. 521.

### 2.7.3 Pandangan Para Cendekiawan Tentang Zakat Produktif

Zakat produktif merupakan sesuatu yang bersifat *ijtihad*.<sup>90</sup> Dalam kajian ijtihad, perbezaan pandangan di antara para cendekiawan adalah sesuatu yang tidak boleh dihindarkan, sekalipun perbezaan itu berasaskan kepada sumber yang sama iaitu al-Quran dan al-hadith. Dalam hal ini, perbezaan pendapat mengenai penerapan sistem zakat produktif dapat dimaklumkan. Pandangan yang menegah menggunakan kaedah zakat produktif beralasan bahawa zakat adalah hak kepada segolongan orang yang termasuk dalam *mustahik* lapan sebagaimana yang disebutkan dalam al-Quran (Surah al-Tawbah, ayat 60). Jika ditinjau dari segi pentafsirannya, dalam ayat tersebut ada terdapat huruf lam ( ل ) pada lafaz *lilfuqara'* ( للفقراء ) yang memberi isyarat kepada makna 'pemilikan' (*tamlik*). Dengan demikian, jelas bahawa zakat tersebut milik para *mustahik*, tidak boleh diperuntukkan kepada bentuk perusahaan yang keuntungannya dapat diagihkan kepada *mustahik*. Kerana diragukan perusahaan tersebut mengalami kerugian sehingga *mustahik* tidak boleh mendapatkan zakat.<sup>91</sup>

Pengagihan dana zakat atau sedekah secara produktif, sebenarnya sudah dilakukan pada masa Rasulullah SAW seperti yang dikemukakan dalam hadith riwayat Imam Muslim dari Salim bin Abdillah bin Umar dari Ayahnya, bahawa Rasulullah

---

<sup>90</sup> *Ijtihad* adalah mengerahkan kemampuan untuk menghasilkan suatu hukum yang belum ditentukan secara pasti dalam syarak dengan bersumberkan kepada al-Quran dan hadith, ia pula akan memerlukan usaha penyelidikan ilmiah hukum Islam yang diaplikasi untuk mengetahui jawapan atau kehendak Allah terhadap sesuatu persoalan hukum yang timbul. Ianya tidak digunakan sebarang oleh seseorang yang bukan pakar dalam perundangan Islam. Memandangkan *ijtihad* ini bukan setakat membabitkan elemen teori semata-mata, bahkan turut membabitkan elemen aplikasi, maka dalam kupasan fuqaha ianya sering dihubungkan dengan institusi fatwa (*mujtahid*). al-Husaini al-Jurjani (t.t.), *al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, h. 14. Lihat juga Rahimi Afandi Abdur Rahim, Paizah Ismail dan Nora Hayati Mohd Dahlal (2009), "Ijtihad Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia: Satu Analisis", dalam *Jurnal Syariah*, Jil. 17 Bil. 1, h. 195-222.

<sup>91</sup> Majelis Ulama Indonesia Wilayah Jakarta (2005), *Himpunan Fatwa Tahun 2000-2003*. Jakarta: Komisi Fatwa MUI, h. 24.

SAW telah memberikan zakat kepadanya lalu memerintahkannya untuk dikembangkan atau disedekahkan lagi.<sup>92</sup>

Menurut al-Ghazali, para ulama yang berpandangan bahwa orang miskin sepatutnya diagihkan bahagian daripada zakatnya digunakan untuk membeli tanah yang hasilnya nanti cukup untuk perbelanjaan seumur hidupnya adalah lebih dekat kepada kebenaran.<sup>93</sup> Dalam kaitan penggunaan dana zakat al-Qaradawi menyatakan bahawa, Negara Islam boleh membina kilang-kilang, syarikat-syarikat, perbadanan, firma dan sebagainya, untuk dijadikan hak milik orang miskin. Dengan demikian perusahaan yang dimiliki dapat menghasilkan keuntungan dan membiayai keperluan *mustahik*.<sup>94</sup>

Seterusnya pandangan daripada Imam Shafi'i yang berpegangan kepada hadith yang diriwayatkan oleh Muslim, Abu Dawud, al-Nasa'i, dan Ahmad dari Qabisah bin Mukhariq al-Hilali, yang menunjukkan bahawa zakat itu boleh diagihkan kepada Orang yang ditimpa kemiskinan, sehingga ia bebas dari kemiskinan dan boleh berdikari.<sup>95</sup> Lebih lanjut al-Qaradawi mengemukakan bahawa fakir miskin yang layak diagihkan zakat dapat dilihat dari segi kondisi kesihatan fizikal, mental, dan potensi atau keterampilannya,<sup>96</sup> iaitu;

- 1) Orang yang masih mampu bekerja/ berusaha dan dapat diharapkan boleh mencukupi keperluan hidupnya dan keluarganya secara berdikari, seperti peniaga, petani, dan pengusaha, tetapi mereka kekurangan modal dan alat-alat yang diperlukannya, maka kepada mereka layak diagihkan zakat secukupnya

---

<sup>92</sup> Isma'il al-Kahlani as-San'ani (t.t.), *Subulu al-Salam, Bab Qismatul al-Sadaqat*, no. 7, j. 2. Semarang: Taha, h. 149.

<sup>93</sup> al-Ghazali (1967), *op. cit.*, h. 207.

<sup>94</sup> al-Qaradawi (1991), *op. cit.*, j. 2, h. 567.

<sup>95</sup> Sabiq (1978), *op. cit.*, j. 1. h. 327-328.

<sup>96</sup> al-Qaradawi (1966), *Mushkilat al-Faqr wa kaifa 'Alajaha al-Islam*. Lebanon: Dar al-'Arabiyyah, h. 110.

sehingga mereka mampu berdikari. Dan mereka boleh juga ditempatkan di pelbagai perusahaan atau kilang yang produktif yang ditubuhkan dengan sumber dana daripada zakat.

- 2) Orang yang tidak/ belum mampu bekerja, seperti orang yang sudah lanjut usianya, orang-orang yang cacat fizikal, anak-anak yatim, dan ibu-ibu tunggal. Mereka ini harus diagihkan zakat secara berterusan setiap bulan sampai akhir hayatnya atau sampai mereka mampu berdikari.

Pandangan lainnya daripada M. Amin Azis menyatakan bahawa penggunaan zakat dan infak harus diprogramkan untuk membasmi kemiskinan dan kefakiran, iaitu dengan cara menciptakan peluang pekerjaan dan industri bagi fakir miskin, yatim piatu, pemberian biasiswa bagi pelajar yang kurang berkemampuan, membantu usahawan yang kekurangan modal, membebaskan umat (usahawan kecil dan petani) dari praktikal riba, juga untuk kesihatan masyarakat.<sup>97</sup> Pandangan yang hampir sama dengan M. Amin Azis juga disampaikan oleh Hikmat Kurnia dan A. Hidayat, beliau mengatakan pembelian peralatan bekerja bagi para perempuan yang fakir miskin dan mereka yang tidak boleh keluar rumah memungkinkan untuk bekerja di dalam rumah. Perbelanjaan peralatan bekerja dan alat pengeluaran bagi kaum cacat yang miskin dan memberikan kursus dan latihan kemahiran tertentu.<sup>98</sup>

Fungsi zakat sebagai instrumen pembangunan dan pentadbiran ekonomi/ perusahaan produktif sesungguhnya telah dinyatakan dalam Undang-undang Republik Indonesia Nombor 38 Tahun 1999 tentang pengurusan zakat. Dalam Bab V tentang penggunaan zakat, fasal 16 ayat 2 disebutkan, “Penggunaan hasil pengumpulan zakat

---

<sup>97</sup> Abd. Majid, Saifuddin A. Rasyid (ed.), (2000), *Bunga Rampai Paradigma Baru Ekonomi Kerakyatan Sistem Syariah*. Jakarta: Pinbuk, h. 160.

<sup>98</sup> Hikmat Kurnia dan A. Hidayat (2008), *Panduan Pintar Zakat*. Jakarta: Qultum Media, h. 161-162.

berdasarkan skala prioriti *mustahik* dan dapat dimanfaatkan untuk usaha produktif (berkembang)".<sup>99</sup> Ertinya modal yang diagihkan diharap dapat mengembangkan usaha yang sedia ada atau membuka peluang pekerjaan baru. Dengan perkataan lain, bagi fakir miskin yang mempunyai modal, tetapi tidak mencukupi, agihan zakat produktif tersebut dapat berfungsi sebagai tambahan terhadap modal yang sedia ada, manakala bagi fakir miskin yang tidak mempunyai modal, zakat produktif berfungsi sebagai modal awal sebagai suatu permulaan suatu pekerjaan atau perusahaan sesuai dengan kemahiran mereka.

Dari beberapa pandangan yang telah dinyatakan oleh beberapa cendekiawan dan sokongan daripada undang-undang di atas dapat disimpulkan bahawa tidak ada perbezaan pandangan tentang zakat produktif secara konseptual. Perbezaan pandangan hanya terletak pada kaedah pelaksanaannya, sekiranya menggunakan sistem hibah tidak ada kewajipan untuk memulangkan harta zakat tersebut, maka para cendekia telah bersepakat untuk membolehkannya. Akan tetapi kalau zakat produktif dilaksanakan dengan menggunakan sistem yang lain – seperti *mudarabah*, *murabahah*, dan *qardul hasan* – yang memiliki kewajipan untuk memulangkan zakat tersebut, maka para cendekiawan berbeza pandangan.<sup>100</sup> Justeru, penulis berpendapat bahawa hukum zakat produktif adalah dibolehkan bahkan sangat dianjurkan sekiranya berada dalam situasi dan kondisi negara Indonesia sekarang.

Keberadaan zakat produktif di Indonesia – khasnya di Aceh dan di pelbagai Negara Islam lainnya – mempunyai peranan dan fungsi yang sangat penting iaitu di bidang ekonomi, sosial dan pendidikan. Walaupun dengan menggunakan sistem

---

<sup>99</sup> Republik Indonesia (1999a), *op.cit.*, fasal 16 ayat 2.

<sup>100</sup> Armiadi (2008), *op. cit.*, h. 68.

*mudarabah*, *murabahah*, dan *qardul hasan*, dalam rangka untuk pembasmian kemiskinan dan menghindari *mustahik* (usahawan) dari praktikal riba.<sup>101</sup> Semestinya zakat produktif diagihkan kepada *mustahik* secara mutlak tanpa ada kewajipan untuk memulangkannya. Namun secara realiti hal tersebut belum dapat dilaksanakan di Indonesia khasnya di wilayah Aceh, kerana jumlah *mustahik* masih jauh lebih besar berbanding *muzakki*. Sehingga zakat tersebut tidak akan mencukupi kalau diagihkan semuanya secara langsung kepada *mustahik*. Dari segi lain pula terdapat sejumlah *mustahik* yang termasuk dalam kategori bertenaga (usia produktif) yang mesti dibantu (diproduktifkan) dengan menggunakan program pembangunan industri kecil.<sup>102</sup>

Dan jika zakat diagihkan secara langsung untuk kategori *mustahik* semacam ini, maka strategi tersebut tidak dapat dilaksanakan, kerana akan menimbulkan sikap kebergantungan kepada zakat tanpa dipergunakan dengan potensi yang ada pada diri *mustahik* itu sendiri. Memanfaatkan potensi tersebut boleh dilakukan apabila *mustahik* telah diagihkan zakat produktif dalam bentuk modal usaha atau dalam bentuk pembangunan lainnya.<sup>103</sup> Sedangkan untuk pengagihan zakat secara produktif dalam keadaan seperti ini hanyalah boleh dilakukan dengan menggunakan sistem tertentu.

Corak yang dikembangkan dalam pengagihan zakat produktif ini pada amnya mengambil sistem *qardul hasan* dan *mudarabah*, disebabkan tabungan zakat yang ada di institusi zakat sangatlah kecil, sehingga memerlukan perpusingan modal yang ada untuk dijadikan *revolving fund* agar dana zakat tersebut tidak kehabisan dan dapat diagihkan semula kepada *mustahik* yang memerlukan.<sup>104</sup> Oleh kerana itu, walaupun

---

<sup>101</sup> *Ibid.* h. 69.

<sup>102</sup> *Ibid.*

<sup>103</sup> *Ibid.*, h. 91.

<sup>104</sup> *Ibid.*, h. 95.

penerapan zakat produktif belum mencapai tingkat ideal, akan tetapi tidak dimansuhkan begitu sahaja selagi masih boleh diterapkan sesuai dengan kemampuan. Hal ini bersesuaian dengan kaedah usul fiqah yang berbunyi:<sup>105</sup>

مَا لَا يَدْرِكُ كُلَّهُ لَا يَتْرُكُ كُلَّهُ.

Sesuatu hal yang tidak boleh dilaksanakan secara sempurna tidak boleh dinafikan (ditinggalkan) secara keseluruhan.

Pandangan ini tidak bertentangan dengan asas pemikiran *tamlík* (pemilikan) yang terdapat pada huruf lam ( ل ) pada lafaz *lifuqarā'* ( لِفْقَرَاء ) dalam Surah al-Tawbah, ayat 60 tersebut. Dana zakat produktif tetap menjadi hak milik *mustahik*, kerana peredaran dana produktif itu tetap berada di antara para *mustahik*.<sup>106</sup> Dari sini boleh difahami bahawa tujuan pengagihan zakat secara sederhana adalah untuk dapat memenuhi keperluan asas *mustahik*. Jadi, pola inilah yang perlu dikembangkan dan tidaklah mesti dengan cara langsung atau produktif sahaja, ditamlikkan atau dengan pola *qardul hasan* atau pola *mudarabah* atau bahkan dengan pola *murabahah* menurut hasil kajian *ijtihad*, selama masih bersesuaian dengan *maqāsid al-shari'ah*.<sup>107</sup>

#### 2.7.4 Instrumen-instrumen Zakat Produktif

Sudah sewajarnya model pengagihan zakat ini dikembangkan untuk masa hadapan bagi meningkatkan ekonomi *mustahik*. Namun memerlukan kepada instrumen-instrumen hukum fiqah yang boleh diaplikasikan di lapangan. Yang dimaksudkan dengan instrumen di sini adalah penggunaan dana zakat sebagai modal usaha dengan

<sup>105</sup> Abdul Hakim Hamid (1927), *Mabadi' Awwaliyah fi Usul al-Fiqh wa al-Qawa'id al-Fiqhiyah*. Jakarta: Sa'adiyah Putera, h. 44.

<sup>106</sup> Ibn Qayyim (1975), *'Ilām al-Muwaqqi' in 'an Rabba al-'Alamīn*. Beirut: Dar al-Jail, h. 16.

<sup>107</sup> Armiaidi (2008), *op. cit.*, h. 95.



menggunakan akad tertentu seperti skim *qardul hasan* atau *mudārabah* dengan merujuk kepada konsep *al-maslahah al-mursalah* untuk memenuhi keperluan azasi masyarakat miskin.<sup>108</sup>

Jika permodalan zakat ini dilakukan, maka tidak mesti menunggu ketika dana zakat itu mengalami *surplus* dan keperluan asas masyarakat miskin telah dipenuhi, kerana jika mesti demikian maka *revolving fund* dari hasil ansuran pinjaman (*qardul hasan*) dan *sharing profit* (*mudārabah*) tidak dipergunakan lagi (tiada lagi *mustahik*). Sedangkan matlamat yang hendak dicapai dalam model agihan ini adalah merubah status *mustahik* menjadi *muzakki*, itu bererti dana yang diagihkan haruslah mencukupi bagi mereka walaupun terpaksa menunda jatah *mustahik* lain. Hal ini tentunya boleh menyelamatkan masyarakat dari aktiviti riba yang umumnya ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan konvensional. Seharusnya permodalan zakat itu diagihkan secara percuma (*tamlik*), namun secara realiti kondisi masyarakat Indonesia dan menuntut kepada metode distribusi alternatif tadi, mengingat jumlah *mustahik* lebih besar berbanding dengan *muzakki*.<sup>109</sup>

Berikut ini disenaraikan beberapa instrumen fiqah dalam permodalan zakat. Perlu diingat bahawa instrumen-instrumen ini tidak bersifat muktamad dalam pelaksanaan agihan zakat produktif, namun masih dapat memungkinkan dikembangkan dan diguna pakai dalam bentuk-bentuk yang lain selama masih berada dalam konteks ekonomi Islam dan sesuai dengan syarak. Di sini hanya disebutkan instrumen *mudārabah*, *murabahah*, dan *qardul hasan*, dengan anggapan bahawa tiga instrumen inilah yang lebih mungkin dipergunakan, walaupun masih dapat diperdebatkan.

---

<sup>108</sup> *Ibid.*, h. 92.

<sup>109</sup> *Ibid.*, h. 93.

**Pertama: Mudarabah**, ulama fiqh mendefinisikan *mudarabah* dengan salah satu bentuk kerjasama ekonomi antara pemilik modal dengan individu atau institusi yang pakar dalam melaksanakan aktiviti perdagangan. Di mana pemilik modal menyerahkan duit kepada pekerja sebagai modal perniagaan dan keuntungannya di bahagi menurut kesepakatan bersama. Sedangkan kerugiannya ditanggung oleh pemilik modal, selama kerugian itu bukan atas kelalaian pekerja. Seandainya kerugian itu akibat kelalaian yang datangnya dari pekerja, maka kerugian tersebut ditanggung oleh pekerja.<sup>110</sup> Manakala pelaksanaannya dalam zakat produktif, Baitul Mal merupakan pemilik modal (*sahib al-mal*), sedangkan *mustahik* sebagai pentadbir (*mudarib*) untuk digunakan sebagai modal dalam suatu perusahaan atau industri. Sistem ini juga dikenal dengan sistem bahagi hasil dan bahagi rugi (*profit and lost sharing*). Untuk itu, kedua belah pihak mesti memiliki kesepakatan tentang peratusan dari keuntungan perusahaan, contohnya 20 peratus untuk Baitul Mal dan 80 peratus untuk *mustahik*. Keuntungan tersebut mesti dimasukkan dalam tabung Baitul Mal dan dapat diagihkan semula kepada *mustahik* yang lain. Akan tetapi jika usaha tersebut mengalami kerugian, maka akan ditanggung bersama. Artinya, pihak Baitul Mal tidak boleh mendakwa harta apa pun – termasuk modal – dari *mustahik* yang mengalami kerugian dalam perusahaannya.<sup>111</sup>

**Kedua: Murabahah**, merupakan jual beli barang pada harga asal dengan tambahan keuntungan yang disepakati.<sup>112</sup> Atau dengan perkataan lain penjualan suatu barang kepada pembeli dengan harga (*tsaman*) pembelian dan biaya yang diperlukan

---

<sup>110</sup> Abdul Azis Dahlan *et al.* (eds.) (1996), *Ensiklopedi Hukum Islam*, c. 1. 'Mudarabah', Jakarta: PT. Ihtiar Baru Van Hoeve, h. 1196.

<sup>111</sup> Armiadi (2008), *op. cit.*, h. 97-98.

<sup>112</sup> Ubay Harun (2006), "Murabahah dalam Perspektif Fiqh dan Sistem Perbankan Islam", *Jurnal Hukum Islam*, Vol. v, No. 3. Riau: Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, h. 343-356.

ditambah keuntungan sesuai dengan kesepakatan.<sup>113</sup> Pelaksanaan sistem *murabahah* dalam zakat produktif ini, diterjemahkan dengan pihak Baitul Mal sebagai penjual dan *mustahik* sebagai pembeli. Pihak Baitul Mal menjual sebuah produk kepada *mustahik* dengan pembayarannya seukuran barang modal ditambah keuntungan yang disanggupi oleh *mustahik* berasaskan kepada kemampuannya. Contohnya, harga sebuah mesin jahit sejumlah RM 300.00 Baitul Mal menyerahkan kepada *mustahik* dengan tambah keuntungan sebanyak RM 50.00. Bererti *mustahik* harus membayar sebuah mesin jahit berharga RM 350.00. Pembayaran dilakukan dengan sistem ansuran dengan tempoh masa ansurannya disesuaikan dengan keadaan *mustahik*.

**Ketiga: Qardul Hasan**, merupakan pemberian kepada orang lain yang dapat ditagih atau diminta semula, atau dengan perkataan lain meminjamkan tanpa mengharapkan hadiah. Secara terminologi, *qardul hasan* (*benevolent loan*) ialah suatu pinjaman yang diberikan atas dasar kewajiban sosial semata-mata, dalam hal ini si peminjam tidak dituntut untuk memulangkan apa pun kecuali pinjaman. Sifat dari *al-Qard al-Hasan* ini ialah tidak memberi keuntungan yang berkaitan dengan kewangan.<sup>114</sup> Dalam literatur fiqah klasik, *qard* dikategorikan dalam *aqad tatawwu'* atau akad saling membantu dan bukan transaksi komersial. Sedangkan kata *hasan* diertikan dengan suatu kebaikan. Adapun penggabungan jangka *qardul hasan* dipergunakan ketika ada peminjaman yang di dalamnya terkandung banyak kebaikan dan toleransi, seperti jangka masa pemulangan yang relatif lebih lama dan besar ansuran yang disesuaikan dengan kemampuan *mustahik*. Dalam ilmu ekonomi, *qardul hasan* diiktiraf dengan istilah pinjaman kebajikan (*soft and benevolent loan*). Pelaksanaannya dalam zakat produktif, Baitul Mal sebagai pihak yang meminjamkan modal (pemiutang)

---

<sup>113</sup> Dewan Syariah Nasional (2000), *Fatwa Dewan Syariah Nasional No. 16/DSN-MUI/IX/2000 tentang Diskon Dalam Murabahah*. Jakarta: Majlis Ulama Indonesia, h. 1.

<sup>114</sup> Armiadi (2008), *op. cit.*, h. 87.

dan *mustahik* bertindak sebagai pihak peminjam (penghutang). Modal tersebut dipinjamkan kepada *mustahik* untuk digunakan sebagai modal dengan syarat, wajib memulangkan pinjaman tersebut tanpa faedah dalam jangka masa dan jumlah ansuran yang disesuaikan dengan keadaan dan kemampuan *mustahik*.<sup>115</sup>

## **2.8 Konsep Pembangunan Industri Kecil**

### **2.8.1 Pengenalan dan Pendefinisian**

Bagi majoriti masyarakat miskin di negara-negara membangun, industri kecil merupakan sumber utama pendapatan dan peluang pekerjaan, dan industri kecil sangat berkait rapat dengan pembangunan masyarakat miskin yang merupakan pelaku utama dalam industri tersebut. Sementara peluang kerja lain, boleh dikatakan hampir tidak ada, terutama di daerah bandar. Di Indonesia, umumnya diketahui bahawa komposisi aktiviti keusahawanan didominasi oleh industri kecil. Jika dilihat dari keseluruhan struktur ekonomi, dari 39.72 juta ahli perniagaan setakat ini, sekitar 39.71 juta atau 99.97 peratus adalah ahli perniagaan kecil dan sederhana. Lebih jauh, sekitar 98 peratus dari jumlah itu didominasi oleh industri kecil.<sup>116</sup> Pada dasarnya, industri kecil dan sederhana tidak mempunyai sebarang pengertian yang tepat dan mutlak. Setiap individu, penyelidik, ahli akademik, penggubal polisi, agensi mahupun institusi memberi pengertian yang berlainan dan pelbagai. Kebanyakan pengertian yang didefinisikan sebelum ini adalah mengikut keperluan dan kesesuaian tertentu.<sup>117</sup> Di Malaysia, pengertian industri kecil (perusahaan kecil) dan sederhana juga berbeza. Individu,

---

<sup>115</sup> *Ibid*, h. 96.

<sup>116</sup> Ismawan Bambang (2003). "Merajut Kebersamaan, Kemandirian Bangsa melalui Keuangan Mikro, Untuk Menanggulangi Kemiskinan dan Menggerakkan Ekonomi Rakyat", *Jurnal Ekonomi Rakyat*, Th. II, No. 6, e. 18, September 2003, [http://www.ekonomirakyat.org/edisi\\_18/artikel\\_4.htm](http://www.ekonomirakyat.org/edisi_18/artikel_4.htm), 4 Ogos 2010.

<sup>117</sup> Malaysia (2002), "Yayasan TEKUN Nasional, Kementerian Pembangunan Usahawan", <http://www.kpun.gov.my/umum/tekun.html>, 5 Ogos 2010.

agensi dan institusi kerajaan memberikan pengertian yang pelbagai terhadap definisi sebenar industri kecil.<sup>118</sup> Definisi industri kecil pada umumnya tidak dapat ditafsirkan dengan tepat, kerana terdapat pelbagai pandangan mengenainya. Walau bagaimanapun, terdapat konsep teras yang digunakan bagi mendefinisikan perniagaan kecil. Ia melibatkan kesesuaian perniagaan itu sendiri, peranan, fungsi, operasi dan pentadbiran masing-masing. Industri kecil ialah perusahaan yang memproses bahan mentah bukan daripada toksid seperti perkakasan elektronik, alat tulis, barang kemas dan sebagainya yang mempunyai aset tetap yang kurang daripada RM 250,000.<sup>119</sup>

Sementara di Indonesia, industri kecil termasuk dalam kategori perusahaan kecil. Industri kecil didefinisikan sebagai aktiviti perdagangan, perusahaan di bidang pertanian atau perkhidmatan, yang dimiliki oleh individu atau keluarga, kerjasama antara beberapa pihak, atau perbadanan. Jumlah maksimum kekayaannya mencapai Rp 200 juta (USD 23,500), penjualan tahunan totalnya kurang dari Rp 500 juta (USD 73,500) dan mengaplikasikan teknologi sederhana.<sup>120</sup> Di bawah ini, terdapat beberapa pengertian industri kecil yang diberikan oleh beberapa institusi, di antaranya iaitu:

Bank Dunia mendefinisikan industri kecil merupakan perusahaan gabungan (*partnership*) atau perusahaan keluarga dengan tenaga kerjanya kurang daripada 10 orang, termasuk di dalamnya perusahaan yang hanya dikerjakan oleh satu orang yang sekali gus bertindak sebagai pemilik (*self employed*).<sup>121</sup> Manakala Badan Pembangunan

---

<sup>118</sup> Mohd. Hassan bin Mohd. Osman (2007), "Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Kredit Mikro di Negeri Johor", (Laporan Akhir, vot Penyelidikan: 75002, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia), h. 15.

<sup>119</sup> *Ibid.*, h. 14.

<sup>120</sup> Republik Indonesia (2008), *Undang-undang Nombor 20 Tahun 2008 tentang Industri Kecil dan Menengah*, bab IV fasal 6, ayat (1-3), h. 4.

<sup>121</sup> World Bank (2010), "Development of Micro, Small Enterprise and Rural Finance in Sub Saharan Africa: The World Bank's Strategy", <http://www.worldbank.org>, 4 Ogos 2010.

Antarabangsa (USAID) mendefinisikan industri kecil merupakan aktivitas perdagangan yang memperkerjakan maksimum 10 orang pegawai termasuk ahli keluarga yang tidak dibayar. Kadangkala hanya melibatkan satu orang sahaja, iaitu pemilik yang sekaligus menjadi pekerja. Kepemilikan aset dan pendapatannya terhad.<sup>122</sup>

Sementara berdasarkan Undang-undang Nombor 9 Tahun 1995, industri kecil dimaksudkan adalah aktivitas ekonomi rakyat yang berskala kecil dalam memenuhi kriteria kekayaan bersih atau hasil penjualan tahunan seperti kepemilikan sebagaimana yang diatur dalam undang-undang ini. Industri kecil yang dimaksudkan di sini merangkumi industri kecil informal dan industri kecil tradisional. Adapun industri kecil informal adalah pelbagai perusahaan yang belum mempunyai status perakuan, belum tercatat dan belum berdaftar, di antara lain industri keluarga, peniaga secara berkeliling, dan lain-lain. Manakala industri kecil tradisional adalah industri yang menggunakan alat pengeluaran sederhana yang sudah digunakan secara turun temurun dan atau berkaitan dengan seni dan budaya.<sup>123</sup> Definisi-definisi di atas dapat disimpulkan bahawa industri kecil adalah industri yang memperkerjakan maksimum 10 orang, hasil penjualan tahunan paling banyak Rp 300,000,000.00 (tiga ratus juta rupiah), aset di luar tanah dan bangunan maksimum Rp 50,000,000.00 (lima puluh juta rupiah) yang kepemilikan aset dan pendapatannya terhad.

## **2.8.2 Klasifikasi Industri Kecil**

Bank Pembangunan Asia (ADB) membezakan antara ciri-ciri industri kecil “*survival*” (sekadar untuk menyambung hidup) dengan industri kecil “*viable*” (yang

---

<sup>122</sup> USAID (2010), “Business Micro”, <http://www.usaidmicro.org>, 4 Ogos 2010.

<sup>123</sup> Panji Anoraga dan Djoko Sudantoko (2002), *Koperasi, Kewirausahaan dan Usaha kecil*. Semarang: Rhineka Cipta, h. 224-225.

boleh menampung untuk kehidupan seharian). Industri yang bersifat survival ini sering disebut sebagai industri untuk memenuhi kehidupan seharian. Pelaku industri di sektor ini dituntut untuk menghasilkan pendapatan yang cepat. Kegiatan ini merupakan aktiviti perniagaan bermusim untuk menyokong pendapatan keluarga ataupun dirinya. Dalam sektor ini, kerap sekali keterampilan yang diperlukan sangat sedikit dan hampir tidak ada cabaran dalam sektor industri kecil ini, bahkan terlalu ramai pelaku industri berada di sini. Pendapatan bersih yang mereka perolehi biasanya hanya untuk membeli keperluan asas sahaja.

Sementara itu, industri kecil *viable* dilakukan oleh usahawan yang menjadikan hasil industrinya sebagai pendapatan utama keluarganya, sehingga sudah berorientasikan keuntungan. Pengalaman dan keterampilan yang cukup diperlukan agar boleh menceburi pasaran pada sektor ini. Sebahagian keuntungan akan dilaburkan semula pada perniagaan, sehingga memungkinkan terjadinya pembangunan industri dan meningkatnya potensi pertumbuhan.<sup>124</sup> Menurut Mudrajat Kuncoro,<sup>125</sup> industri kecil itu mempunyai empat ciri-ciri yang hampir seragam, iaitu:

- 1) Tidak adanya pembahagian tugas yang jelas antara bidang pentadbiran dan operasi. Kebanyakan industri kecil ditadbir oleh perorangan yang merangkap sebagai pemilik sekaligus pengerusi perusahaan, dan tenaga kerja diambil daripada ahli keluarga dan kaum kerabat terdekat.
- 2) Rendahnya akses industri kecil terhadap institusi-institusi kredit rasmi sehingga mereka mudah menggunakan pembiayaan industrinya dari modal sendiri atau sumber-sumber lain seperti keluarga, jiran, peniaga perantaraan, bahkan 'ah long'.
- 3) Sebahagian besar industri kecil belum mempunyai status perakuan institusi atau badan berdaftar.
- 4) Menurut kategori industri, kelihatan bahawa hampir satu pertiga bahagian dari seluruh industri kecil bergerak dalam kumpulan

---

<sup>124</sup> Heryadi (2004), "Pengembangan Industri kecil", *Economic Review Journal*, no. 198, Disember 2004, h. 3-4, <http://www.bni.co.id/Portals/0/Document/198%20Micro.pdf>, 23 April 2010.

<sup>125</sup> Mudrajat Kuncoro (2000), *Usaha Kecil di Indonesia: Profil, Masalah dan Strategi Pemberdayaan*, (Kertas Kerja, Seminar *Studium Generale* di Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi (STIE) Yogyakarta, 18 November 2000), h. 8-6.

industri pemakanan, minuman dan tembakau, diikuti oleh kumpulan industri barang galian bukan logam, industri tekstil, dan industri kayu, bambu, rotan, rumput dan sejenisnya.

Dalam Jadual 2.3 di bawah menunjukkan bahawa industri kecil dan industri kecil keluarga memiliki peranan yang cukup besar kepada industri pembuatan (*manufacture*) dilihat dari sudut jumlah unit perusahaan dan daya tampung pekerja, namun ianya lemah dalam menyumbang nilai tambah pada tahun 1990. Dari jumlah unit industri pembuatan di Indonesia iaitu sebanyak 1,524 juta, ternyata 99.2 peratus merupakan unit industri kecil dan industri kecil keluarga. Industri kecil dan industri kecil keluarga, dengan jumlah pekerja kurang daripada 20 orang, dilihat mampu menyediakan peluang pekerjaan sebanyak 67.3 peratus.

**Jadual 2.3: Sumbungan Industri Kecil dalam Industri Pembuatan (*Manufacture*)**

| Jenis Industri                | Unit Industri |       | Pekerja   |       | Nilai Tambah |       |
|-------------------------------|---------------|-------|-----------|-------|--------------|-------|
|                               | Jumlah        | %     | Orang     | %     | Rp Juta      | %     |
| 1. Industri sederhana & besar | 12,765        | 0.8   | 1,691,435 | 32.7  | 9,348,483    | 82.2  |
| 2. Industri Kecil             | 94,534        | 6.2   | 770,144   | 14.9  | 775,304      | 6.8   |
| 3. Industri Keluarga          | 1,416,935     | 93.0  | 2,714,264 | 52.4  | 1,254,419    | 11.0  |
| T o t a l                     | 1,524,234     | 100.0 | 5,175,843 | 100.0 | 11,378,206   | 100.0 |

Sumber: BPS, 1990.

Bagaimanapun, sumbangan nilai tambah industri kecil dan industri keluarga kepada industri pembuatan hanya sebesar 17.8 peratus. Banyaknya jumlah orang yang bekerja pada industri kecil dan industri keluarga memperlihatkan betapa pentingnya peranan industri kecil dan industri keluarga dalam membantu memecahkan masalah pengangguran dan keadilan sumbangan pendapatan.



### 2.8.3 Kelebihan Industri Kecil

Industri kecil mempunyai beberapa kebaikan jika dibandingkan dengan industri sederhana dan besar. Menurut Moha Asri, kebaikan yang dimiliki oleh perniagaan kecil ialah fleksibiliti dalam pengurusan iaitu mereka lebih mudah ke arah keperluan dan perubahan yang berlaku dalam persekitaran tempatan dan mempunyai struktur birokrasi yang sentiasa berubah-ubah mengikut keperluan.<sup>126</sup> Industri kecil pula mempunyai hubungan yang baik dengan pelanggan serta membolehkan usahawan menyediakan keperluan dan perkhidmatan yang khas kepada pelanggannya. Selain itu, industri kecil mempunyai peluang-peluang kecil dan menguntungkan yang banyak di mana peluang ini tidak dapat diambil oleh firma besar. Program bantuan juga banyak memihak kepada perniagaan kecil. Kerajaan memberikan galakan dan sokongan sepenuhnya kepada perniagaan kecil, kerana menyedari bahawa peranan perniagaan kecil adalah penting dalam pembangunan ekonomi negara. Kebaikan perusahaan kecil dapat dirumuskan seperti berikut:<sup>127</sup>

- 1) Kebebasan – Kebanyakan pemilik perusahaan kecil suka dan berbangga menjadi “bos” kepada diri sendiri. Mereka mempunyai kebebasan untuk melakukan sesuatu mengikut kesukaan mereka. Walaupun “kebebasan” ini mempunyai risikonya, tetapi pemilik perusahaan kecil sanggup menanggungnya.
- 2) Peluang kewangan – Kebanyakan pemilik perusahaan kecil memperoleh pendapatan lebih besar dengan mengurus perusahaan sendiri dari “makan gaji”.
- 3) Perkhidmatan kepada masyarakat – Ada kalanya seorang individu menyedari tentang ketiadaan suatu produk atau perkhidmatan dan yakin masyarakat sanggup membayar untuk mendapatkan produk dan perkhidmatan tersebut. Oleh itu beliau akan memulakan suatu perusahaan kecil untuk menyediakan produk atau perkhidmatan tersebut kepada masyarakat.
- 4) Jaminan kerja – Bagi seorang pemilik perusahaan kecil, kerjanya terjamin. Beliau boleh bekerja selama mana yang ia kehendaki kerana tidak perlu berpencen dari kerjanya. Peluang pekerjaan untuk

---

<sup>126</sup> Mohd. Hassan bin Mohd. Osman (2007), *op. cit.*, h. 18.

<sup>127</sup> *Ibid.*, h. 19.

ahli keluarga – Perusahaan kecil menyediakan peluang pekerjaan kepada ahli keluarga pemilik. Ada kalanya pemilik berhasrat untuk mewarisi perusahaan tersebut selepas ketiadaannya, iaitu boleh memastikan bahawa anak atau saudara-mara beliau akan mengambil alih perusahaan tersebut. Di samping itu, perusahaan kecil yang diurus oleh ahli keluarga mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi berbanding dengan perusahaan yang diurus oleh orang lain.

- 5) Cabaran – Kebanyakan pemilik perusahaan kecil memulakan perusahaan mereka kerana tertarik dengan cabaran yang akan dihadapi apabila menjalankan perusahaan sendiri. Hasil penyelidikan telah membuktikan bahawa pemilik perusahaan kecil yang berjaya lebih cenderung untuk menghadapi risiko. Mereka yakin peluang untuk berjaya amat bergantung kepada kemampuan dan keupayaan diri sendiri. Cabaran ini memberi kepuasan psikologi kepada diri mereka.
- 6) Menggalakkan inovasi dan fleksibiliti – Perusahaan kecil lazimnya merupakan sumber idea, bahan, proses dan perkhidmatan baru yang tidak dihasilkan oleh perusahaan besar. Melalui perusahaan kecil uji kaji boleh dijalankan, inovasi boleh diperkenalkan dan operasi baru boleh dimulakan.
- 7) Memastikan perusahaan besar sentiasa bersaing – dengan memperkenalkan produk dan perkhidmatan baru, perusahaan kecil menggalakkan persaingan sama ada dari segi harga, reka bentuk dan kecekapan.

#### **2.8.4 Peranan dan Permasalahan Industri Kecil**

Kewujudan industri kecil, merupakan bukti semangat keusahawanan sejati pada masyarakat yang boleh dijadikan sebagai perintis baru. Menyedari realiti ini, memfokuskan pembangunan ekonomi rakyat terutama pada industri kecil merupakan hal yang sangat strategis. Di samping menempatkan keadilan dan mengembangkan kumpulan industri ini secara benar dan tepat, setidaknya dilihat beberapa alasan iaitu;<sup>128</sup> *pertama*, mereka telah mempunyai kegiatan ekonomi produktif sehingga keperluannya adalah pembangunan dan peningkatan kapasiti bukan pembinaan, sehingga lebih mudah dan pasti; *kedua*, apabila kumpulan ini dibangunkan bersungguh-sungguh, dengan

---

<sup>128</sup> Diah Aryati Prihartini (2007), “Perbandingan Total Kemiskinan Versi Pemerintah Indonesia Dan Bank Dunia Dengan Peran Strategis Dari Industri kecil Untuk Pengentasan Kemiskinan”, Jakarta: Fakultas Ekonomi, Universiti Gunadarma, [http://lib.ugm.ac.id/digitasi/upload/809\\_MU0906053.pdf](http://lib.ugm.ac.id/digitasi/upload/809_MU0906053.pdf), 4 Ogos 2010, h. 6.

mudah mereka akan berpindah menjadi sektor industri kecil; dan *ketiga*, secara efektif mengurangi kemiskinan yang dideritai oleh mereka sendiri. Jadual 2.4 di bawah ini akan memperlihatkan peranan strategi dari industri kecil dalam mengurangi kemiskinan.

**Jadual 2.4: Peranan Strategi Industri Kecil**

|                                   |  |  |
|-----------------------------------|--|--|
|                                   | <i>The elder poor/Usia Tua</i>                     |  |
| <i>The poorest/<br/>Termiskin</i> | <i>Economically<br/>Active Poor/Usahawan Kecil</i> | <i>Small scale<br/>business/Skala<br/>industri kecil</i> |
|                                   | <i>The younger poor/Usia Muda</i>                  |  |

Sumber: *World Bank*, 1999.

Golongan usia tua atau usia muda, golongan miskin dan bahkan golongan industri berskala kecil berpeluang dan tidak ada halangan untuk menceburi aktiviti di bidang keusahawanan iaitu sebagai usahawan kecil. Aktiviti tersebut dapat memberikan manfaat yang ketara terhadap peningkatan taraf hidup masyarakat miskin. Walaupun peranan industri kecil menunjukkan sangat strategi, namun industri ini lazimnya sukar untuk berkembang. Seperti yang terlihat dalam jadual 2.5 di bawah pelbagai persoalan yang menghimpit para usahawan kecil. Bagi mereka, persoalan permodalan merupakan masalah utama yang perlu diperhatikan oleh kerajaan atau institusi yang terkait.

**Jadual 2.5: Jenis Kesukaran Industri Kecil**

| No. | Jenis Kesukaran        | Industri Kecil<br>Keluarga | Industri Kecil |
|-----|------------------------|----------------------------|----------------|
| 1   | Kesukaran Modal        | 34.55%                     | 44.05%         |
| 2   | Pengadaan Bahan Mentah | 20.14%                     | 12.22%         |
| 3   | Pemasaran              | 31.70%                     | 34.00%         |
| 4   | Kesukaran Lainnya      | 13.06%                     | 09.73%         |

Sumber: Data BPS, 1999.

Seterusnya dalam Jadual 2.6 dapat dicermati bahawa masyarakat lapisan bawah pada umumnya hampir tidak tersentuh dan tidak dianggap memiliki potensi dana daripada institusi kewangan rasmi, sehingga menyebabkan perkembangan ekonomi mereka terhalang. Kumpulan masyarakat ini dinilai tidak layak untuk mendapatkan modal usaha daripada bank (*not bankable*) kerana tidak memiliki jaminan. Maka akses dari usahawan industri kecil terhadap sumber kewangan rasmi adalah sangat rendah, sehingga ramai dari mereka mengharapkan modal seadanya yang mereka miliki.

**Jadual 2.6: Sumber Pendapatan Modal Usaha**

| <b>Huraian</b>             | <b>Industri Kecil Keluarga</b> | <b>Industri Kecil</b> |
|----------------------------|--------------------------------|-----------------------|
| Modal Sendiri              | 90.36%                         | 69.82%                |
| Modal Pinjaman             | 3.20%                          | 4.76%                 |
| Modal Sendiri dan Pinjaman | 6.44%                          | 25.42%                |
| <b>Jumlah</b>              | <b>100%</b>                    | <b>100%</b>           |
| <b>Asal Pinjaman</b>       |                                |                       |
| Bank                       | 18.79%                         | 59.78%                |
| Koperasi                   | 7.09%                          | 4.85%                 |
| Institusi Lain             | 8.25%                          | 7.63%                 |
| <b>Lain-lain</b>           | <b>70.35%</b>                  | <b>32.16%</b>         |

Sumber: Data BPS, 1998.

### 2.8.5 Pembinaan dan Pembangunan Industri Kecil

Pembinaan dan pembangunan industri kecil dilakukan oleh kerajaan, pelaku industri dan masyarakat, baik secara individu mahupun bersama-sama. Industri kecil ini dilakukan secara terarah, bersepadu dan berterusan bagi mewujudkan industri yang kuat dan berdikari serta dapat berkembang menjadi industri sederhana. Ianya dilaksanakan dengan memperhatikan klasifikasi dan tingkat pembangunan industri kecil. Berasaskan

klasifikasi dan tingkat pembangunan industri kecil adalah melalui penetapan kualiti, intensiti, keutamaan dan jangka masa pembinaan serta pembangunan industri kecil.<sup>129</sup>

#### **2.8.5.1 Ruang lingkup, prosedur dan pelaksanaan**

Ruang lingkup pembinaan dan pembangunan industri kecil merangkumi bidang pengeluaran dan pemprosesan, pemasaran, sumber manusia dan teknologi. Pembinaan dan pembangunan industri kecil dilakukan melalui langkah-langkah<sup>130</sup> berikut: 1) Pengenalan potensi dan masalah yang dihadapi oleh industri kecil; 2) Persiapkan program pembinaan dan pembangunan sesuai dengan potensi dan masalah yang dihadapi oleh industri kecil; 3) Melaksanakan program pembinaan dan pembangunan; dan 4) Pengawasan dan kawalan pelaksanaan program pembinaan dan pembangunan industri kecil.

Pembinaan dan pembangunan industri kecil di bidang pengeluaran dan pemprosesan, dilaksanakan dengan<sup>131</sup>: 1) Meningkatkan kemampuan pengurusan, teknikal pengeluaran serta pemprosesan; 2) Meningkatkan kemampuan reka bentuk dan kejuruteraan; 3) Memberikan keringanan dalam memperuntukkan kemudahan pengeluaran dan pemprosesan, bahan mentah, bahan penyelamat dan pakej; dan 4) Menyediakan tenaga penasihat profesional di bidang pengeluaran dan pemprosesan.

Pembinaan dan pembangunan industri kecil di bidang pemasaran, dilaksanakan dengan<sup>132</sup>: 1) Melaksanakan penyelidikan dan kajian pemasaran; 2) Meningkatkan

---

<sup>129</sup> Sentot Harman Glendoh (2001), "Pembinaan dan Pengembangan Industri kecil", *Jurnal Pengurusan dan Keusahawanan*, Vol. 3, No. 1, Jabatan Ekonomi Pengurusan, Universiti Kristiani Petra, h. 1-13.

<sup>130</sup> Republik Indonesia (1998), *Peraturan Pemerintah Nombor 32 Tahun 1998 tentang Pembinaan dan Pengembangan Usaha Kecil*. <http://www.bpkp.go.id/unit/hukum/pp/1998/032-98.pdf>, 12 Ogos 2010.

<sup>131</sup> *Ibid.*, fasal 6. h. 2.

<sup>132</sup> *Ibid.*, fasal 7.

kemampuan pengurusan dan teknikal pemasaran; 3) Menyediakan kemudahan serta sokongan promosi dan kajian pemasaran; 4) Mengembangkan institusi pemasaran dan jaringan pengagihan; 5) Memasarkan produk industri kecil; 6) Menyediakan tenaga penasihat profesional di bidang pemasaran; 7) Menyediakan rumah niaga dan promosi industri kecil; dan 8) Memberikan peluang pemasaran.

Pembinaan dan pembangunan industri kecil di bidang sumber manusia, dilaksanakan dengan<sup>133</sup>: 1) Mempopularkan dan membudayakan keusahawanan; 2) Meningkatkan keterampilan teknikal dan kepengurusan; 3) Menubuhkan dan mengembangkan institusi pendidikan, latihan dan penasihat industri kecil; 4) Menyediakan tenaga kaunselor dan penasihat industri kecil; 5) Menyediakan modul pengurusan industri kecil; dan 6) Menyediakan tempat praktikal, kajian perbandingan, dan penasihat untuk industri kecil.

Pembinaan dan pembangunan industri kecil di bidang teknologi dilaksanakan dengan<sup>134</sup>: 1) Meningkatkan kemampuan dalam bidang teknologi pengeluaran dan kawalan kualiti; 2) Meningkatkan kemampuan dalam bidang penyelidikan untuk mengembangkan reka bentuk dan teknologi baru; 3) Memberikan galakan kepada industri kecil yang menerapkan teknologi baru dan mengekalkan kawasan alam sekitar; 4) Meningkatkan kerjasama dan ahli teknologi; 5) Meningkatkan kemampuan dalam memenuhi penyeragaman teknologi; 6) Menubuhkan dan mengembangkan institusi penyelidikan dan pembangunan di bidang reka bentuk dan teknologi bagi industri kecil; 7) Menyediakan tenaga konsultan profesional di bidang teknologi; dan 8) Memberikan bimbingan dan konsultasi berkenaan dengan hak atas kekayaan intelektual.

---

<sup>133</sup> *Ibid.*, fasal 8.

<sup>134</sup> *Ibid.*, fasal 9.

Pembangunan dan perkembangan industri kecil yang dilaksanakan oleh dunia usaha dan masyarakat, berupa;<sup>135</sup> 1) Penyediaan tenaga penasihat profesional, kemudahan, dana, serta teknologi dan maklumat; 2) Bimbingan dan Konsultasi; 3) Pendidikan dan latihan; 4) Peguam bela; dan 5) Penubuhan klinik penasihat perdagangan untuk industri kecil. Dalam rangka memberi galakan supaya berminat kepada dunia industri dan masyarakat untuk penyertaan membina serta mengembangkan industri kecil, maka kerajaan perlu mempertimbangkan pembayaran cukai bagi mereka, seperti kiraan penghasilan kena cukai. Industri kecil yang telah dibina dan berkembang menjadi industri sederhana masih dapat diberikan sokongan dan pengembangan untuk jangka masa paling lama tiga tahun.

#### **2.8.5.2 Institusi penyokong**

Kerajaan, dunia industri dan masyarakat telah menyediakan pembiayaan dan jaminan serta sokongan kepada industri kecil untuk memudahkan pelaksanaan pembangunan industri kecil, iaitu melalui institusi penyokong yang terdiri daripada institusi pembiayaan, institusi penjaminan dan lain-lain. Institusi pembiayaan memberikan keutamaan terhadap perkhidmatan serta kemudahan dalam memperoleh pembiayaan melalui<sup>136</sup>: 1) Menyediakan pembiayaan industri kecil; 2) Memudahkan proses untuk memperoleh pembiayaan dengan memberikan kemudahan mengajukan permohonan serta cepat memperoleh keputusannya; 3) Memberikan syarat yang ringan; 4) Menyebarkan maklumat mengenai kemudahan untuk memperoleh pembiayaan bagi industri kecil melalui media massa yang ada; 5) Mewujudkan kursus dan latihan khas untuk meningkatkan rancangan industri dan pentadbiran kewangan; 6) Memberi

---

<sup>135</sup> *Ibid.*, fasal 12, h. 3.

<sup>136</sup> *Ibid.*, fasal 16, h. 4.

keringanan terhadap faedah dalam industri kecil; 7) Memberikan bimbingan dan bantuan industri kecil; dan 8) Menyediakan kaunter khas untuk perkhidmatan dan maklumat kredit industri kecil.

Institusi penjamin memberikan keutamaan perkhidmatan dan kemudahan akses kepada industri kecil yang ditubuhkan untuk memperoleh jaminan pembiayaan iaitu melalui, meluaskan fungsi institusi penjamin yang sudah ada atau pembentukan institusi penjaminan baharu dan pembentukan institusi penjamin ulang bagi menjamin institusi-institusi penjamin yang ada. Institusi penyokong lain berperanan mempersiapkan dan menuntun pertubuhan dan pengembangan industri kecil melalui<sup>137</sup>:

- 1) Penyediaan maklumat, bantuan pentadbiran dan teknologi kepada industri kecil;
- 2) Pemberian bimbingan dan konsultasi melalui pusat konsultasi perdagangan kepada industri kecil;
- 3) Penyediaan peguambela kepada pelbagai pihak untuk kepentingan industri kecil; dan
- 4) Pelaksanaan kajian perbandingan dan praktikal kerja bagi industri kecil.

### **2.8.6 Konsep Usahawan**

Istilah ‘usahawan’ diambil daripada perkataan Perancis ‘*entreprendre*’ yang membawa maksud memikul (tugas) atau mencuba.<sup>138</sup> Manakala dalam Bahasa Malaysia istilah usahawan sebenarnya berasal daripada ‘usaha’. Menurut Kamus Dewan, usaha ialah daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan, perbuatan dan lain-lain hal untuk

---

<sup>137</sup> *Ibid.*, fasal 18.

<sup>138</sup> Ab. Aziz Yusof (2000), *Usahawan dan Keusahawanan*. Petaling Jaya: Prentice Hall, h. 2.



mencapai, melaksanakan atau menyempurnakan sesuatu.<sup>139</sup> Usahawan pula ialah orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan.<sup>140</sup> Oleh itu, usahawan dapat dirumuskan sebagai individu yang kreatif dan inovatif yang dapat mengesan dan merebut peluang di samping berani menanggung risiko dalam aktiviti perniagaan dengan mengeluarkan produk baru. Menurut Zaharuddin Yahya, usahawan bererti insan yang berkebolehan untuk melihat, mengenal, merebut dan mewujudkan peluang-peluang untuk faedah ekonomi dan keuntungan. Bagi seorang usahawan Muslim, keusahawanan itu merupakan suatu ibadah dengan melakukan *mu'amalah* dan bertujuan untuk mendapatkan keuntungan yang abadi.<sup>141</sup> Secara amnya, seorang usahawan yang berjaya mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan unik dalam diri masing-masing. Oleh itu, untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya perlulah melengkapkan diri dengan ciri-ciri seperti;<sup>142</sup>

- 1) Bertanggungjawab - Sikap ini seharusnya dimiliki oleh setiap individu yang bergelar usahawan di samping sanggup menerima tanggungjawab.
- 2) Berkeyakinan tinggi - Setiap usahawan yang berjaya perlu yakin terhadap diri sendiri dan juga yakin dengan setiap tindakan yang diambil walaupun berisiko.
- 3) Berpengetahuan - Usahawan yang berjaya adalah mereka yang mempunyai pengetahuan yang luas serta mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan.
- 4) Berorientasikan perancangan - Usahawan hendaklah fokus kepada masa depan, iaitu merancang masa depan yang baik dan dengan itu dia dapat merancang perniagaannya dengan lebih sistematik.<sup>143</sup>
- 5) Meminta nasihat daripada pakar-pakar - Dalam usaha untuk memajukan perniagaan, seseorang usahawan harus menyedari bahawa pentingnya memperoleh kejayaan dalam persaingan. Oleh itu, usahawan haruslah kerap meminta nasihat dari pakar untuk mencapai tujuan tersebut.

---

<sup>139</sup> Noresah Baharum *et al.* (eds.) (2007), *Kamus Dewan*, e. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1781.

<sup>140</sup> *Ibid.*, h. 1782.

<sup>141</sup> Zaharuddin Yahya (1995), *Memilih Perniagaan*. Kota Bharu: Al-Kafilah Enterprise, h. 24.

<sup>142</sup> Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi & Adibah Hasanah Abd Halim (2008), "Mobilisasi Zakat Dalam Pewujudan Usahawan Asnaf: Satu Tinjauan", *Jurnal Syariah*, Jil. 16 Keluaran Khas, h. 576.

<sup>143</sup> Zaharuddin Yahya (1995), *op.cit.*, h. 32.

- 6) Ciri keagamaan - Bagi individu Muslim, ciri-ciri seperti berteraskan aqidah, tidak lalai dengan kewajipan, sabar, lapang dada, amanah, mengagungkan Allah dan agama penting bagi menjamin kejayaan perniagaan di dunia dan akhirat.

### **2.8.7 Konsep Usahawan Asnaf**

Secara umumnya, usahawan asnaf merupakan golongan asnaf dibentuk untuk menjadi seorang usahawan. Golongan ini akan diberi bantuan dan perhatian sepenuhnya oleh pihak-pihak tertentu bagi tujuan tersebut. Hal ini kerana, mereka tidak mampu untuk bergerak sendiri memandangkan kekurangan kewangan yang dialami. Menurut Isma Addi Jumri,<sup>144</sup> usahawan asnaf boleh didefinisikan sebagai individu yang melalui suatu proses penciptaan usaha niaga, mampu memikul tugas, tanggungjawab dan mencuba sebagai peniaga yang dirangsang dengan dorongan dan bantuan daripada institusi zakat. Definisi ini merujuk kepada individu golongan asnaf zakat terutamanya mereka tergolong dalam golongan fakir, miskin dan muafak yang miskin. Proses mencipta usaha niaga merujuk kepada fasa atau peringkat tertentu yang perlu dilalui sebelum golongan ini menjadi usahawan dengan bantuan, dorongan dan bimbingan daripada institusi-institusi zakat.<sup>145</sup>

Oleh itu, dalam memenuhi tuntutan dunia di samping mengembangkan ekonomi umat Islam, beberapa institusi zakat telah menunjukkan keprihatinan dalam menjana tenaga usahawan di kalangan asnaf. Antara institusi yang terlibat seperti Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS), BMA, dan beberapa institusi zakat yang lain. Ciri-ciri

---

<sup>144</sup> Isma Addi Jumri (2007), "Usahawan Asnaf Basmi Miskin Tegar" dalam *Utusan Malaysia Malaysia On-Line*, <http://www.utusan.com.my/utusan/info>, 27 September 2010.

<sup>145</sup> *Ibid.*

untuk menjadi usahawan asnaf adalah sama dengan ciri-ciri seorang usahawan. Namun, terdapat sedikit penambahan bagi ciri-ciri usahawan asnaf ini. Antaranya:<sup>146</sup>

- 1) Ingin Berdikari – Asnaf yang ingin menjadi usahawan ialah mereka yang ingin berdikari tanpa mengharapkan bantuan orang lain pada masa hadapan.
- 2) Tidak mudah berputus asa - Setiap asnaf perlu yakin terhadap kebolehan diri sendiri bagi mengubah kehidupan mereka. Oleh itu, usahawan asnaf tersebut perlulah gigih berusaha dan tidak mudah berputus asa dengan cabaran hidup yang pernah dilalui.
- 3) Ingin merubah diri dan kehidupan – Asnaf yang ingin maju dan tidak terus ketinggalan tidak dapat lari daripada kewajipan memperbaharui sikap, minda dan jiwa raga serta menanam semangat keusahawanan.
- 4) Mempunyai azam yang tinggi – Asnaf yang menjadi usahawan adalah mereka yang benar-benar bertekad untuk mengubah kehidupan lama dan keluar dari kepompong kemiskinan.

### **2.8.8 Model Pembangunan Usahawan Asnaf**

Menurut Isma Addi Jumri ada lima fasa yang perlu dijalani oleh seseorang asnaf sebelum layak bergelar usahawan. Ini bertujuan untuk memastikan golongan ini benar-benar layak, mampu dan berpotensi. Lima fasa tersebut adalah:<sup>147</sup>

- 1) Pendedahan - Fasa ini memberi pendedahan kepada golongan asnaf mengenai aktiviti, peluang keusahawanan yang terbuka luas dan juga motivasi keusahawanan. Mereka juga perlu diberi pendedahan bahawa keusahawanan juga bertindak sebagai pemangkin perubahan struktur sosial-ekonomi.
- 2) Pendidikan - Pendekatan keilmuan dan pendidikan merupakan mekanisme yang paling berkesan bagi menerapkan budaya keusahawanan. Pendidikan juga meliputi kemahiran, pengetahuan dan sikap untuk membolehkan seseorang individu merancang masa depan dan kemahiran menyelesaikan masalah.
- 3) Pelaksanaan - Golongan yang mampu menjadi usahawan akan diberikan bantuan modal yang merupakan mekanisme penting dalam merancang dan menjana ekonomi asnaf ke arah menjadi usahawan dan seterusnya keluar dari kepompong kemiskinan.
- 4) Pemasaran - Ia merupakan fasa yang penting bagi memastikan usaha usahawan tidak terhenti di pertengahan. Kebanyakan golongan ini

---

<sup>146</sup> Mohd Abd Wahab Fatoni Mohd Balwi & Adibah Hasanah Abd Halim (2008), *op. cit.*, h. 578.

<sup>147</sup> Isma Addi Jumri (2007), *op.cit.*

mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi setanding dengan produk lain.

- 5) Pemantauan - Fasa ini sangat ditekankan bagi memastikan usaha melahirkan lebih ramai usahawan serta mengeluarkan golongan asnaf daripada kepompong kemiskinan menjadi kenyataan.

### **2.8.9 Pembangunan dan Perkembangan Usahawan Asnaf Industri Kecil Di Baitul Mal Aceh**

Industri kecil di Aceh merupakan jenis industri yang paling besar jumlahnya. Untuk pembinaan dan pembangunannya tentu memerlukan pembiayaan dan sokongan dari pelbagai institusi kewangan yang ada. Pembinaan dan pembangunan industri kecil ini selain dibangunkan oleh kerajaan juga disertai oleh institusi-institusi lain. Institusi BMA merupakan salah satu institusi pentadbir harta agama yang telah berperanan aktif dalam pembangunan industri kecil ini. Pelbagai program industri pembiayaan telah dilaksanakan untuk membaiki dan meningkatkan pendapatan ekonomi masyarakat miskin dan ramai *mustahik* yang menceburi dalam aktiviti keusahawanan telah berjaya dibantu.

Corak pembangunan industri kecil di BMA adalah dengan pemberian bantuan modal kepada usahawan asnaf melalui agihan zakat produktif yang ditadbir secara berpusing dan tidak memerlukan jaminan atau pinjaman dan insurans. Dilakukan dengan mudah dan ringkas dengan mempergunakan pola *qardul hasan* (pinjaman kebajikan) yang tidak dikenakan faedah.<sup>148</sup> Jenis bantuan yang diagihkan adalah dalam bentuk modal usaha dalam empat sektor, iaitu pada sektor perniagaan, penternakan, pertanian dan sewa beli beca. Sektor perniagaan merupakan bidang yang terbesar dalam

---

<sup>148</sup> Rizky Aulia (2009), "Pembangunan Program Unit Pengelolaan Zakat Produktif (UPZP) Baitul Mal Aceh". *Majalah Baitul Mal Aceh*, e. 4 / Disember 2009-Januari 2010, h. 28.

pemberian modal, ada enam jenis aktiviti industri pada sektor ini. Jenis perniagaan yang pertama ialah jenis gerai tetap. Ianya merangkumi gerai pasar, gerai menjual makanan dan minuman, gerai menjual barang-barang keperluan harian. Jenis perniagaan yang berada di bawah kedai tetap ialah kedai kopi dan kedai-kedai yang menjual barangan runcit, pakaian, kedai sayuran, kraf tangan dan ubat-ubatan. Seterusnya ialah jenis perniagaan yang menawarkan perkhidmatan kepada pelanggannya. Jenis perniagaan perkhidmatan ialah kedai jahitan, kedai gunting rambut, bengkel motor, kedai membaiki radio, televisyen dan alat elektrik, serta kedai membaiki kasut. Adapun jenis perkhidmatan pengangkutan adalah seperti beca mesin, ianya termasuk pengusaha kecil dan perniagaan yang terlibat dengan pengangkutan. Manakala jenis usaha perniagaan yang terlibat dengan pembuatan yang berada di bawah industri kecil ialah seperti perniagaan pemprosesan makanan, serbuk perasa, kuih muih dan lain-lain.

Pada sektor pertanian pula, terdapat seperti kekacang, tembikai, jagung, sayur-sayuran, dan lain-lain. Manakala di sektor penternakan terdapat tiga jenis usaha iaitu penggemukan lembu, penternakan kambing dan ayam. Untuk maklumat lanjut mengenai bentuk dan jenis aktiviti usahawan asnaf industri kecil di BMA sila rujuk Lampiran D1, D2 dan D3.

## **2.9 Kesimpulan**

Zakat adalah ibadah *maliyah ijtima'yyah*, ertinya ibadah di bidang harta yang memiliki kedudukan yang sangat penting dalam pembangunan masyarakat. Jika zakat ditadbir dengan baik, sama ada pemungutan mahupun pengagihannya, pasti akan mengangkat kesejahteraan masyarakat. Terdapat banyak hikmah dan manfaat daripada

kewajipan zakat ini, baik manfaatnya akan dirasakan oleh pemberi zakat (*muzakki*), penerima (*mustahik*), mahupun masyarakat secara keseluruhan khasnya masyarakat yang tidak berkemampuan dalam aspek ekonomi. *Muzakki* akan meningkat kualiti keimanannya, rasa syukurnya, kejernihan dan kebersihan jiwa dan hartanya, sekaligus akan mengembangkan harta yang dimilikinya. *Mustahik* akan meningkat kesejahteraan hidupnya, akan terjaga agama dan akhlakunya, serta akan termotivasi untuk meningkatkan semangat bekerja dan ibadahnya.

Pelbagai upaya dilakukan oleh institusi kewangan bukan perbankan, seperti Badan 'Amil Zakat, Baitul Mal dan institusi zakat lainnya untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat miskin. Salah satunya penggunaan dana zakat kepada *mustahik* dalam bentuk modal usaha bagi pembangunan industri kecil yang dijalankan oleh usahawan asnaf. Konsep usahawan asnaf bertujuan untuk membantu para usahawan mengembangkan perusahaannya secara berdikari, dan dari hasil perusahaannya tersebut diharapkan dapat meningkatkan pendapatan ekonomi keluarga mereka. Beberapa contoh perkembangan di sektor usaha ekonomi usahawan asnaf binaan BMA, adalah pada sektor perniagaan, penternakan, pertanian dan sewa beli beca. Pembangunan usahawan asnaf ini dengan pemberian bantuan tambahan modal usaha melalui agihan zakat produktif yang ditadbir secara berpusing kepada *mustahik* (usahawan) dan ianya tidak memerlukan jaminan atau pinjaman dan insurans. Dilakukan dengan mudah dan ringkas dengan mempergunakan pola *qardul hasan* yang tidak dikenakan sebarang bentuk faedah.